

## BAB 4

### PERANAN THE ISLAMIC FOUNDATION DALAM DAKWAH

#### 4.1 Pendahuluan

Kajian-kajian lalu yang dilakukan tentang Islamic Foundation dalam pelbagai aspek telah disebutkan di dalam Bab 4. Kajian-kajian tersebut tidak memfokus secara khusus kepada peranan IF dalam dakwah. Perkataan peranan di dalam kajian ini bermaksud usaha-usaha yang dilakukan IF dalam beberapa bidang untuk kepentingan dakwah. Bab ini mengemukakan kajian dan analisa terhadap peranan IF di dalam dakwah. Dakwah dalam konteks kajian terhadap IF ini adalah sama dengan definisi di dalam Bab 2. Data-data di dalam bab ini diperolehi menggunakan kaedah purposive sampling, di mana individu yang terlibat secara langsung dan mengetahui tentang program-program IF seperti penyelaras-penyelaras unit telah ditemubual.

Kajian ini mendapati IF telah mengambil langkah merealisasikan dakwah melalui beberapa program yang boleh dianggap bidang atau ruang lingkup dalam dakwah. Bidang atau ruang lingkup utama dakwah IF seperti yang dikenal pasti dalam kajian ini boleh diklasifikasi seperti berikut:

- 1- Penyelidikan
- 2- Pendidikan dan Latihan

- 3- Penerbitan
- 4- Seminar dan Ceramah
- 5- Dialog
- 6- Dakwah Umum
7. Hubungan dengan pihak berkaitan

#### 4.2 Dakwah dalam Bidang Penyelidikan

Penyelidikan dianggap penting dalam menentukan hala tuju dan kemajuan sesebuah organisasi. Umat Islam digesa meneroka, menyelidik, mencari dan menyiasat kepastian sesuatu perkara agar ianya dapat dipastikan kesahihan dan kewibawaannya. Semangat menyelidik ini adalah selaras dengan tuntutan al-Qur'an yang menyatakan:

يَتَأْكِلُهَا الَّذِينَ عَامَلُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَإِيمَانُ بِتَبَرِّءٍ فَتَبَرَّئُوْا أَنْ تُصِيبُوهُ  
قَوْمًا بِجَهَاهِ لَهٖ فَشَرَبُخُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ تَنْدِيمِينَ

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah(untuk menentukan) kebenarannya, supayakamu tidak menimpa sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini – dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) – sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."

Terjemahan Surah al-Hujurat (49):6.

Ibnu Jarīr al-Tabāriyy membuat komentar tentang ayat ini dengan menyatakan bahawa sesuatu perkara itu perlu disiasat terlebih dahulu sehingga

diketahui kesahihannya. Jangan terburu-buru menerima sesuatu berita sebelum mengetahui kesahihannya<sup>1</sup>. Ini akan menjauhkan daripada kebenaran dan keadilan<sup>2</sup>.

Sejak penubuhannya, IF giat menumpukan kegiatan penyelidikan bagi menjana kemantapan organisasi tersebut dan meningkatkan perkembangan Islam. Penyelidikan berada di bawah Jawatankuasa Akademik. J.K Akademik ini menentukan bidang atau isu yang perlu dilakukan penyelidikan<sup>3</sup>. Tujuan penyelidikan IF menurut Dr. Ataullah Siddiqui ialah untuk melihat dan mendedahkan bidang di mana orang-orang Islam menghadapi cabaran sebagai kumpulan minoriti di Eropah<sup>4</sup>.

Modus operandi penyelidikan menurut Siddiqui lagi tidak hanya membuat kajian dengan menerbitkan buku dan jurnal, tetapi juga berhubung dengan masyarakat, menjemput mereka memberi ceramah dan menyertai seminar supaya idea-idea baru dapat dimanfaatkan untuk kemajuan Islam dan IF<sup>5</sup>.

Kajian ini mendapati IF telah menumpukan kepada beberapa bidang dalam projek penyelidikannya, iaitu:

### 1) Penyelidikan mengenai Ekonomi Islam

<sup>1</sup>Abī Ja‘far Muhammād bin Jarīr al-Tabarīyy (t.t). *Jāmi‘ al-Bayān ‘An Ta’wil Ayyi al-Qur’ān*. Bayrūt: Dār al-Fikr, h.123.

<sup>2</sup>Sayyid Qutb (1982), *Fī Zilāl al-Qur’ān*, Vol.6. Bayrūt: Dār al-Syurūq, h.3341.

<sup>3</sup>Muin-Udeen Chowdury, Timbalan Ketua Pengarah IF, temubual, 7 Jun 2002.

<sup>4</sup>Ataullah Siddiqui, Felo Penyelidik IF, temubual 31 Mei 2002.

<sup>5</sup>Ibid.

Sejak penubuhannya, IF telah meneroka bidang ekonomi Islam dan memberi keutamaan yang tinggi terhadapnya. Ini mungkin ada kaitan dengan pengasasnya iaitu Prof.Kurshid Ahmad yang mempunyai latarbelakang dalam disiplin ekonomi. Kenyataan ini adalah berasaskan kepada apa yang disebut di dalam laman web IF yang menyatakan<sup>6</sup>:

*“Since its inception, the Islamic Foundation has accorded a high priority to the promotion of Islamic Economics, Banking and Finance”*

Bagi tujuan penyelidikan dalam bidang ekonomi Islam, perbankan dan kewangan, IF telah menuahkan sebuah unit yang dinamakan The Islamic Economics Unit (Unit Ekonomi Islam). Unit ini berperanan mengkaji permasalahan dan persoalan berhubung perlaksanaan sistem ekonomi Islam di zaman moden. Menurut Ron Geaves, unit ini menerima maklumat atau data dari seluruh dunia Islam<sup>7</sup>. Maklumat atau data yang diterima ini menurut beliau lagi sangat berguna bagi tujuan penyelidikan dan menerbitkan kertas kerja serta buku-buku berhubung ekonomi Islam semasa dan perbankan<sup>8</sup>.

Kemudahan bahan rujukan di perpusatakan IF yang mempunyai banyak koleksi dalam bidang ekonomi Islam membantu memudahkan lagi kegiatan penyelidikan yang dijalankan. Malah bahan yang banyak dalam bidang

---

<sup>6</sup>The Islamic Foundation. <http://www.islamic-foundation.org.uk/economics.html>.

<sup>7</sup>Ron Geaves (1996), *op.cit.*, h.203.

<sup>8</sup>*Ibid.*

ini antara lainnya turut disumbangkan melalui kegiatan penyelidikan yang intensif berkenaan ekonomi Islam, perbankan dan kewangan.

Bahagian penyelidikan ekonomi IF mempunyai seorang penyelaras yang mengendalikan aktiviti berkaitan penyelidikan. Penglibatan IF dalam melakukan penyelidikan mengenai ekonomi Islam telah memberikan faedah dan hasil. Contohnya dengan adanya penyelidikan ini, IF telah berjaya menerbitkan buku-buku, jurnal dan kertas kerja dalam bidang ekonomi Islam. Antaranya ialah<sup>9</sup>:

- *Studies in Islamic Economics*, (1981), dedit oleh Prof.Kurshid Ahmad. Leicester:The Islamic Foundation. Buku ini membincangkan mengenai pengenalan kepada ekonomi Islam, faedah, *qard al-hasan*, bank tanpa faedah, polisi fiskal dan zakat.
- *Towards a Just Monetary System* (1985), oleh M.Umer Chapra. Leicester: The Islamic Foundation. Buku ini merupakan satu hasil kajian yang komprehensif mengenai matlamat, tabiat dan operasi sistem matawang Islam. Ia menekankan soal keadilan Islam dalam muamalat ini.
- *Islam, Poverty and Income Distribution* (1991), oleh Ziauddin Ahmad. Leicester: The Islamic Foundation. Mendedahkan mengenai pandangan Islam terhadap isu-isu berkaitan kemiskinan dan cara pengagihan sumber pendapatan.

---

<sup>9</sup>Lihat Catalogue 2002-3.

- *Essays in Islamic Economics*, (1995), M.Fahim Khan. Leicester: The Islamic Foundation. Ia adalah hasil kajian yang mendalam dan sistematik terhadap pelbagai aspek dalam ekonomi Islam.
- *Economic Development in an Islamic Framework* (1979), oleh Prof.Kurshid Ahmad. Leicester: The Islamic Foundation. Buku ini mengupas tentang proses pembangunan ekonomi berdasarkan kerangka Islam.
- *Review of Islamic Economics*. Ia adalah jurnal dwi-tahunan yang mengulas esei-esei mengenai ekonomi Islam.

Penghasilan buku, jurnal dan kertas kerja dari semasa kesemasa adalah hasil komitmen IF yang berterusan dalam menggerakkan usaha-usaha penyelidikan dalam bidang ekonomi Islam. Penghasilan buku-buku, jurnal dan kertas-kertas kerja dalam bidang ini turut memberi faedah dengan tertubuhnya MIHE.

## 2) Penyelidikan mengenai Perbandingan Agama

Pengetahuan terhadap kepercayaan lain selain daripada Islam perlu dikaji dalam konteks dakwah Islamiah. Pengetahuan terhadap sesuatu kepercayaan atau anutan hidup manusia boleh membantu proses menyebar mesej Islam. Islam menganjurkan umatnya memahami budaya, bahasa dan kepercayaan sesuatu kaum dalam menyebarkan Islam (Surah al-Zukhruf (43):3 dan Surah al-Ahqaf (46):12).

Kefahaman terhadap kepercayaan masyarakat lain di Britain, terutamanya Kristian sangat perlu. Sehubungan dengan itu. IF telah dan sedang melakukan kajian dan penyelidikan berhubung kepercayaan masyarakat lain khususnya agama

Kristian. Untuk menjayakan matlamat ini, IF telah menubuhkan satu unit yang mengkaji kepercayaan masyarakat non-Muslim, iaitu Interfaith Unit. Unit ini telah ditubuhkan pada tahun 1978<sup>10</sup>. Menurut Dr. Ataullah Siddiqui, kajian Interfaith Unit adalah ditumpukan kepada aspek-aspek berikut<sup>11</sup>:

- mengkaji dan menyelidik hubungan di antara orang-orang Islam dan Kristian dari segi sejarah dan realiti masakini
- meninjau dan memahami kajian akademik sarjana Kriatian dan misi agama tersebut ke pelbagai negara khususnya negara-negara Islam
- menyebarkan hasil kajian yang dilakukan agar orang-orang Islam mengetahui dan memahami situasi yang wujud. Ini membolehkan orang Islam merangka formula yang sesuai dalam membina hubungan dengan masyarakat Kristian dan menghadapi mereka mengikut pendekatan yang sesuai.

Kajian-kajian yang dilakukan IF antaranya turut diterbitkan dalam bentuk buletin, buku dan jurnal. Sehingga kini IF telah menghasilkan 20 kertas penyelidikan berhubung aktiviti missionari Kristian di pelbagai negara. Antara kajian mengenai doktrin Kristian dan aktiviti missionari Kristian yang diusahakan IF ialah<sup>12</sup> *Christian Mission and Islamic Da'wah*, Ahmad Von Denffer et.al, Leicester, The Islamic Foundation, *Christian Presence in Indonesia: A View of Christian-Muslim Relations*, Rifyal Ka'bah, Leicester, The Islamic Foundation, *Dialogue Between Christian and Muslim*, Ahmad von Denffer, Leicester, The

---

<sup>10</sup> Ataullah Siddiqui (1994), *op.cit.*, h.165.

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> Manazir Ahsan (t.t), *op.cit.*, h.3.

Islamic Foundation (tiga siri), *Copts and Muslims in Egypt: A Study on Harmony and Hostility* (Sohirin Mohamad Solihin), *Mission to Muslims in Germany*, Ahmad von Denffer, Leicester, The Islamic Foundation.

Kajian-kajian ini penting jika dilihat kepada dua sudut. Pertamanya ia perlu dalam konteks dakwah di mana orang Islam perlu memahami tentang ajaran dan budaya orang-orang Kristian. Keduanya, ia penting dilihat dari perspektif di mana orang-orang Islam perlu menyedari akan adanya usaha-usaha mengKristiankan orang-orang Islam oleh gerakan missionari Kristian. Ini selaras dengan istilah yang digunakan oleh Dr. Attaullah Siddiqui *be aware of the situation*<sup>13</sup>.

Satu kajian oleh Ahmad von Denffer misalnya mendedahkan tentang gerakan missionari Kristian di seluruh dunia. Beliau dalam kajiannya mendedahkan bahawa gerakan missionari Kristian tidak hanya tertumpu di dunia sebelah Timur tetapi juga di negara-negara Barat. Dapatan kajian tersebut mendedahkan fakta tersebut, iaitu:

“... the efforts by some European or American Christian missionaries travelling to Muslim lands to convert Muslims to Christianity. Recent development, have however, brought millions of Muslims to the west, and today mission to Muslims take place not only in the orient, but also in the heart of the west itself”<sup>14</sup>

Selain daripada kajian tentang Kristian, kajian-kajian mengenai agama, kepercayaan dan budaya lain juga diberi perhatian. Jurnal *Encounters* contohnya adalah sebuah jurnal dwi-tahunan yang menyediakan forum intelektual bagi

<sup>13</sup> Attaullah (1994), *op.cit.*, h.165.

<sup>14</sup> Ahmad von Denffer (1985), *Christian Mission and Islamic Da'wah*. Leicester: The Islamic Foundation, h.4.

membincangkan isu-isu berhubung Islam dan lain-lain kepercayaan. Tema utama yang dibincang dan dibahas dalam jurnal ini ialah mengenai<sup>15</sup>:

- kajian tentang Islam dan hubungannya dengan lain-lain tradisi agama dan kepercayaan.
- Kajian mengenai Islam dan hubungannya dengan Barat berdasarkan pengalaman sejarah dan realiti masakini.
- Kajian mengenai cabaran modernisasi terhadap nilai-nilai tradisi.

Sumbangan-sumbangan artikel untuk jurnal *Encounter* mampu memperkayakan lagi khazanah IF dalam proses mendokumentasikan hasil-hasil penyelidikan dalam bidang perbandingan agama dan kebudayaan sesebuah masyarakat. Kajian dan maklumat yang dimuatkan dalam jurnal ini juga bermanfaat kepada para akademik, penyelidik dan pelajar.

Langkah IF dalam melakukan penyelidikan melalui penubuhan Interfaith Unit telah memberikan sumbangan kepada perkembangan Islam sama ada di Britain mahupun di luar Britain. Hasil-hasil penyelidikan yang diterbitkan dalam bentuk buku, kertas kerja, buletin dan jurnal mengenai kegiatan gerakan Kristianisasi membolehkan masyarakat Islam khususnya organisasi Islam mengambil langkah-langkah tertentu menghadapi gerakan tersebut. Penglibatan IF dalam menyelidik aspek berkait dengan hubungan antara Islam dan lain-lain kepercayaan boleh menjadi pemangkin kepada usaha memupuk imej Islam yang positif sekaligus menghapus konsepsi salah terhadap Islam.

---

<sup>15</sup>Catalogue 1999 2000, IF, h.35.

### 3) Penyelidikan mengenai Islam di Eropah

Kehadiran Islam di Eropah bukanlah satu fenomena baru. Sumbangan Islam terhadap perkembangan tamadun dunia termasuk tamadun Eropah sangat bermakna. Peranan Islam ini diiktiraf oleh orang Eropah sendiri Putera Charles dalam ucapannya di Oxford pada tahun 1993 menyatakan antara lainnya:

*“Islam is part of our past and our present... it has helped to create modern Europe. It is part of our own inheritance, not a thing apart<sup>16</sup>”*

Kenyataan Putera Charles tersebut boleh menjadi kayu pengukur terhadap kepentingan kedudukan Islam di Eropah. Kedudukan ini menjadi lebih penting jika diambil kira bahawa Islam kini adalah agama kedua terbesar di beberapa negara Eropah. Islam kini semakin mendapat perhatian di Eropah.

Berdasarkan keadaan ini, IF mengambil inisiatif melakukan kegiatan penyelidikan berhubung Islam dan umat Islam di Eropah. Penyelidikan ini memberi tumpuan dengan melihat kedudukan sebenar Islam dan komuniti Islam di Eropah, survival Islam dan umat Islam, keperluan mereka serta sumbangan yang boleh diberikan kepada komuniti Islam.

Tugas melakukan kajian dan penyelidikan ini dilakukan oleh Unit Islam di Eropah. Unit ini semakin penting di akhir-akhir ini memandangkan kedudukan Islam yang menjadi semakin penting dan semakin diberi perhatian di Eropah lebih-lebih lagi dengan tercetusnya beberapa isu yang dikaitkan dengan orang-orang Islam seperti peristiwa di World Trade Centre (WTC) di Amerika Syarikat pada 11

---

<sup>16</sup>Putera Charles, *Islamic Forum In Europe*, vol.1, 1994, h.4.

September 2001. Kajian ini mendapati ada tiga modus operandi utama unit ini bergerak melaksanakan agenda penyelidikan, iaitu<sup>17</sup>:

- mengenal pasti keperluan dan cabaran yang dihadapi komuniti Islam di Eropah. Maklumat yang diperolehi melalui kajian dan penyelidikan ini berguna dalam merangka satu formula mengatasi permasalahan yang wujud.
- Mengundang felo penyelidik yang terdiri dari para intelektual bagi melakukan kajian dalam bidang ini. Antara yang diundang ialah Dr.Tariq Ramadan, seorang sarjana Muslim yang berpusat di Switzerland bagi melakukan penyelidikan mengenai Islam dan kedudukan umat Islam di Eropah.
- Hasil penyelidikan ini diterjemahkan dalam bentuk penerbitan. Contohnya penyelidikan oleh Dr.Tariq Ramadan telah menghasilkan dua buah buku, iaitu *Muslim in France: Towards Coexistence*, 1999, Leicester, The Islamic Foundation dan *To be a European Muslim: A Study of Islamic Sources in the European Context*, 1999, Leicester, The Islamic Foundation.

Penerbitan adalah satu kaedah yang boleh dikira realistik untuk menyebarkan hasil penyelidikan. Selain buku, menurut Dilwar Husain<sup>18</sup>, Pembantu Penyelidik bagi Unit Islam di Eropah, kertas-kertas penyelidikan mengenai Islam di Eropah juga diterbitkan. Kertas-kertas ini menurut Dilwar lagi banyak ditumpukan

---

<sup>17</sup> Annual Report 1999, *loc.cit.*, h.12.

<sup>18</sup> Dilwar Husain, Pembantu Penyelidik Unit Islam di Eropah, temubual, 20 Julai 2000.

kepada persoalan hubungan antara organisasi-organisasi Islam dengan badan-badan kerajaan dan juga melihat identiti Islam di Eropah.

Berdasar kepada fakta-fakta yang dikemukakan, jelas penyelidikan IF tidak hanya terbatas kepada melihat atau mengkaji tentang Islam di Britain sahaja. Malah skop penyelidikan yang dilakukan juga mejangkau tentang isu-isu berhubung Islam dan umat Islam di Eropah secara global. Usaha penyelidikan ini adalah selaras dengan deklarasi IF yang termaktub dalam buku pengenalannya iaitu melihat dan menghadapi bersama masalah dan cabaran umat Islam di Eropah secara umum dan di Britain secara khusus<sup>19</sup>.

Penyelidikan dalam bidang Islam di Eropah mempunyai prospek yang baik sekaligus menjadikan Unit Islam di Eropah semakin penting justeru peranan dan tanggungjawabnya lebih berat. Bagaimanapun dalam mengerakkan aktiviti penyelidikan, unit ini terpaksa menghadapi dua cabaran atau masalah utama, iaitu masalah kewangan dan manpower.

Kerja-kerja penyelidikan memerlukan kos yang perlu dibiayai dari semasa kesemasa. Sementara beban kerja pula semakin bertambah berikutan bertambahnya masalah dan cabaran yang perlu dihadapi. Seorang pegawai adalah tidak memadai bagi unit ini bergerak secara efisien dan aktif memandangkan banyak projek penyelidikan yang perlu dilakukan. Sedangkan kedua-dua aspek ini (kewangan dan man power) menjadi faktor penting dalam membantu meningkatkan kualiti dan

---

<sup>19</sup>The Islamic Foundation: An Introduction, *op.cit.*, h.2.

kuantiti penyelidikan IF. Kedua-dua perkara yang saling berkait ini perlu diberi penekanan dan perhatian serius jika IF berhasrat memajukan bidang penyelidikan dalam Islam di Eropah seterusnya menjadi instititusi rujukan kepada lain-lain organisasi atau agensi. Hal ini diakui sendiri oleh Director General IF, Dr. Manazir Ahsan yang menyatakan:

*"This unit has the potential to engage in very important work but is severely handicapped due to a lack of resources. It is currently staffed by one person who is also engaged in many other projects of the Foundation. If this unit is to be more productive and pro-active it must be allocated the necessary manpower and budget"<sup>20</sup>.*

Kesimpulannya, kedudukan Islam yang penting di Eropah telah mendorong IF menggerakkan usaha-usaha penyelidikan dalam bidang ini. Mekanisme yang diwujudkan IF dalam melaksana dan menjayakan projek ini ialah melalui Unit Islam di Eropah. Kegiatan penyelidikan yang dilakukan walaupun menghadapi kekurangan dan kelemahan seperti kewangan dan manpower, namun ia boleh membantu kepada usaha-usaha memartabatkan Islam bukan sahaja di Britain tetapi juga di seluruh dunia.

#### 4) Penyelidikan mengenai Pengajian Islam

Pengajian Islam mempunyai skop dan bidang yang luas. Kajian ini mendefinisikan termasuk dalam konteks pengajian Islam ialah bidang-bidang berhubung al-Qur'an dan Sirah Rasulullah. Penyelidikan atau kajian mengenai aspek-aspek ini tidak dapat dipisahkan dalam usaha menggali khazanah ilmu Islam sama ada melalui al-Qur'an maupun Sirah Rasul. Generasi bersahsiah, berilmu

---

<sup>20</sup>Manazir Ahsan, dalam *Annual Report, IF 1999*, h.12.

dan berwibawa akan dapat dilahirkan jika kefahaman terhadap al-Qur'an dan Sirah dapat direalisasikan.

Bagi mencapai matlamat ini, IF mengambil peranan dan tanggung jawab membuat kajian dalam bidang pengajian Islam. Untuk menjayakan program ini IF telah mengambil langkah mengundang sarjana dan penyelidik dari pelbagai negara. Mereka diberi amanah menyelidik dalam aspek atau tema berkaitan pengajian Islam. Pada tahun 1998-1999 sebagai contoh, IF telah melantik empat panel penyelidik bagi menjalankan kegiatan penyelidikan dalam bidang berkaitan. Mereka ialah Prof.Safi Akhtar (Islamic University, Islamabad, Pakistan), Dr.Abdur Rahim Kidwai (Aligarh University, India), Fatimah M.Doyen (Amerika Syarikat) dan Dr.Usman Bugaje (Nigeria)<sup>21</sup>.

Kajian-kajian dalam bidang pengajian Islam ini telah membanyakkan lagi koleksi perpustakaan IF di samping menjadi bahan rujukan berguna kepada para penyelidik, pelajar dan orang perseorangan yang berminat mendalami aspek-aspek berhubung bidang pengajian Islam. Kajian-kajian yang dilakukan dalam bidang pengajian Islam ini bagaimanapun masih belum mencukupi.

Melalui usaha penyelidikan ini beberapa buku telah dihasilkan di mana IF sendiri bertindak sebagai penerbitnya. Antara buku-buku yang telah diterbitkan hasil penyelidikan ialah *Hijra: Story and Significance*, 1983, oleh Zakaria Bashier, Leicester. The Islamic Foundation, *The Makkan Crucible*, 1991, oleh Zakaria

---

<sup>21</sup> *Ibid.*, h.7.

Bashier, Leicester, The Islamic Foundation, *Sunshine at Madinah*, 1991, oleh Zakaria Bashier, Leicester, The Islamic Foundation, *Muhammad (peace be upon him): The Perfect Model for Humanity*, 1992, oleh Mustafa Ahmad al-Zarqa<sup>22</sup>, Leicester: The Islamic Foundation, *Introducing Islam from Within*, 1991, oleh Mona Abul-Fadl, Leicester, The Islamic Foundation<sup>23</sup> dan lain-lain.

Usaha-usaha penyelidikan yang dijalankan IF dalam pelbagai bidang seperti ekonomi Islam, perbandingan agama dan Islam di Eropah adalah penting dan relevan dan konteks perkembangan dakwah. Ini kerana hasil penyelidikan yang dilakukan boleh membantu mengenal pasti isu dan pendekatan yang boleh diaplikasi untuk tujuan dakwah khususnya dalam konteks Britain.

#### 4.3 Dakwah dalam Pendidikan dan Latihan

Pendidikan menurut *Kamus Dewan* berasal daripada akar kata didik, iaitu pelihara, jaga (dengan hati-hati) dan ajar. Dengan itu, pendidikan dapatlah diertikan sebagai perihal mendidik, memelihara, menjaga dan mengajar<sup>23</sup>. Manakala latihan pula berasal daripada perkataan latih yang bermakna pelajaran atau didikan untuk memahirkan<sup>24</sup>.

Dalam Bahasa Arab, istilah tarbiah diguna pakai untuk merujuk kepada pendidikan. Istilah ini mempunyai konotasi mengasuh, memelihara dan memimpin.

<sup>22</sup>Catalogue 1999/2000, IF, h.4-6.

<sup>23</sup>Kamus Dewan (1994), edisi 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h.303.

<sup>24</sup>Ibid., h.772.

Istilah tadrib dan tamrin pula merujuk kepada latihan<sup>25</sup>. Kedua-dua aspek ini, iaitu pendidikan dan latihan adalah dua elemen yang tidak boleh dipisahkan dalam proses membimbing dan mengasuh manusia menuju kesempurnaan hidup.

Islam menekankan kepentingan dan latihan dalam melahirkan individu dan masyarakat yang sempurna seterusnya mendapat kebahagian di dunia dan di akhirat (Surah al-Baqarah (2):201). Rasulullah dalam dakwahnya telah menekankan kaedah pendidikan dan latihan sebagai satu proses membentuk kesempurnaan kehidupan individu dan masyarakat. Banyak contoh-contoh pendidikan dan latihan yang telah ditekankan oleh Rasulullah dalam dakwahnya. Misalnya, baginda pernah bersabda:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلَاثَةُ أُجْرٍ لِّرَجُلٍ مِّنْ أُمَّةِ الْكِتَابِ أَمَّنْ  
بِنَتَيْهِ وَأَمَّنْ يَعْكِشُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْمُعْلُوُاتِ إِذَا أَدَى حَقَّ اللَّهِ وَخَفَى  
مَوْلَاهُ وَرَجَلٌ كَانَتْ عَنْهُ أُمَّةٌ فَإِذَا بَهَا فَأَخْسَنَ تَأْذِيْبَهَا وَعَلَغَنَهَا فَأَخْسَنَ تَعْلِيمَهَا ثُمَّ  
أَعْنَثَهَا فَنَزَّعَ جَهَّهَا كَلْمَةً أَجْرَانَ

Maksudnya:

*“Tiga golongan bagi mereka dua ganjaran, iaitu lelaki daripada Ahli Kitab yang beriman dengan nabinya dan beriman dengan Nabi Muhammad s.a.w, seorang hamba apabila ia melaksanakan hak Allah dan hak tuannya, dan seorang lelaki yang mempunyai hamba lalu ia mendidik dan mengajarnya dan mengelokkan pendidikan dan pengajarannya kemudian membebaskan hamba tersebut lalu mengahwininya maka baginya dua pahala”<sup>26</sup>*

<sup>25</sup>Hans Wehr (1980), *A Dictionary of Modern Written Arabic*. Beirut: Librairie Du Liban. h.276 & 905.

<sup>26</sup>Al-Bukhari (t.t), *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-'Ilm, Bab Ta'lim al-Rajuli Amatahu wa Ahlahu, jil.1. Al-Qahirah: Dar al-Hadith, h.35.

Justeru itu, pembangunan dan kecemerlangan hidup manusia akan tercapai melalui pendidikan yang berterusan dan terancang.

Bagi merealisasikan tujuan pendidikan dan latihan Islam dalam masyarakat, IF giat merancang dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang berkaitan dengan kedua-dua bidang ini. Program-program yang diadakan oleh IF ini meliputi sasaran dakwah di kalangan orang-orang Islam dan orang-orang bukan Islam. Kajian yang dilakukan ini mengenal pasti beberapa program dan aktiviti berkaitan pendidikan dan latihan yang dilaksanakan oleh IF, iaitu:

#### 1. Mengadakan Kerjasama Akademik

Berdasarkan kajian yang dilakukan, IF sangat memberi perhatian kepada perkembangan bidang akademik. Melalui kerjasama akademik IF telah merintis kerjasama dengan beberapa buah institusi pengajian tinggi di Britain sejak tahun 1994 lagi. Sehingga kini IF telah berjaya mengadakan kerjasama bagi melaksanakan program akademik dengan beberapa buah universiti di Britain dan juga dengan lain-lain instusi berkaitan sama ada di dalam maupun di luar Britain. Institusi pengajian tinggi yang telah bekerjasama dengan IF dalam bidang akademik ialah:

1. Universiti Loughborough - IF telah mengadakan satu Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Universiti Loughborough pada tahun 1994. Tujuan perjanjian ini adalah untuk memperkenalkan ekonomi Islam kepada pelajar-pelajar M.Sc, pelajar program diploma serta pelajar program M.Phil

dan Ph.D di Jabatan Ekonomi Universiti Loughborough<sup>27</sup>. Sejak tahun 1995 IF telah bekerjasama dengan Universiti Loughborough dengan mengajar ekonomi Islam dan perbankan kepada pelajar-pelajar M.A di Jabatan Ekonomi universiti tersebut. Melalui kerjasama ini juga seminar-seminar tentang ekonomi Islam dan kegiatan penyelidikan dalam bidang berkaitan telah dilaksanakan secara kerjasama<sup>28</sup>.

2. Kerjasama dengan Universiti Leicester - Menurut Laporan Tahunan IF1999, IF telah memulakan kerjasama akademik dengan Universiti Leicester pada tahun 1997<sup>29</sup>. Melalui kerjasama ini IF bersetuju mengajar kursus berhubung dengan Islam dan kepelbagaiannya kebudayaan dan tamadun<sup>30</sup>. Kursus Islam and Pluralism telah diajar di Centre of The History of Religions di Universiti Leicester.<sup>31</sup>
3. Kerjasama dengan Universiti Portsmouth - Kerjasama dengan Uninversiti Portsmouth dianggap satu kejayaan yang bermakna kepada IF. Director General IF, Dr.Manazir Ahsan membayangkan kejayaan ini seperti berikut<sup>32</sup>:

*“However the most important development in the history of British Education has been the offering of affiliation to the Foundation by the University of Porstmouth, and the*

---

<sup>27</sup>The Islamic Foundation, *op.cit.*, h.4.

<sup>28</sup>Manazir Ahsan (t.t), *op.cit.*, h.3.

<sup>29</sup>*Annual Report, IF, 1999*.

<sup>30</sup>The Islamic Foundation (t.t), *loc.cit.*

<sup>31</sup>Manazir (t.t), *loc.cit.*

<sup>32</sup>*Ibid.*, h.5.

*establishment of its Faculty of Islamic and Social Studies  
in the Markfield premises”*

Melalui kerjasama ini, IF telah berjaya menubuhkan sebuah institut pengajian tinggi Islam yang diberi nama Markfield Institute of Higher Education ataupun ringkasnya MIHE.

4. Kerjasama dengan Lain-lain Institusi Pendidikan - Selain daripada institusi-institusi tersebut, IF juga telah mengadakan kerjasama untuk menjayakan program akademik dengan beberapa lagi institusi yang terlibat dengan bidang pendidikan sama ada di Britain mahupun di luar Britain. Institusi-institusi tersebut ialah The Oxford Academy for Advanced Studies (OAAS), Oxford, Westhill College, Birmingham, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Islam Antarabangsa, Islamabad, Pakistan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Islamic Educational, Scientific and Cultural Organisation (ISESCO), Moroko<sup>33</sup>.

Kerjasama dengan institusi-institusi tersebut menurut Prof.Kurshid Ahmad adalah penting penting dalam rangka menjadikan IF sebagai sebuah organisasi pendidikan berwibawa. Malah ia mampu bertindak sebagai wahana dakwah yang efektif bagi sebuah masyarakat yang maju dan multi-agama seperti Britain<sup>34</sup>.

---

<sup>33</sup>Manazir (t.t), *op.cit.*, h.5.

<sup>34</sup>Kurshid Ahmad, Pengerusi IF, temubual, 31 Mei 2002.

#### 4.3.1 Program non-Muslim

Ajaran Islam sangat menekankan supaya non-Muslim diberi hak yang sewajarnya mereka dapat seperti kejiran dan hak untuk mendengar dan memahami ajaran Islam. Hal ini dinyatakan dengan jelas di dalam al-Qur'an di mana non-Muslim perlu diberi peluang mendengar dan memahami mesej Islam. Firman Allah berhubung perkara ini ialah:

وَإِنْ أَخَذَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ أَسْتِغْزَلَهُ فَأَجِرْهُ حَتَّىٰ يَشْمَعَ كُلُّمَّا اللَّهِ ثُمَّ  
أَبْلِغْهُ مَأْمَنَتَهُ وَذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ

#### Maksudnya

*"Dan jika seseorang dari kaum musyrikin itu meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu). Kemudian hantarlah dia ke mana-mana tempat yang ia beroleh aman. Perintah yang tersebut itu ialah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam)"*

(Surah al-Tawbah (9):6).

Baydawi memberi komen tentang ayat di atas dengan menyatakan bahawa orang-orang bukan Islam perlu diterangkan tentang hakikat keimanan dan kebenaran<sup>35</sup>. Manakala Maududi menyatakan bahawa Islam wajar disampaikan agar Non-Muslim memahaminya<sup>36</sup>.

<sup>35</sup> Baydawi (t.t), *op.cit.*, jil.2, h.60.

<sup>36</sup> S. Abul A'la Maududi (1992), *The Meaning of The Qur'an*, Vol.2. Lahore: Islamic Publications Limited, h.176.

Praktikal dakwah Rasulullah juga menunjukan bahawa hak non-Muslim untuk memahami Islam diberi perhatian serius. Sebagai contoh ialah kes Adi bin Hatim. Beliau adalah seorang penganut Kristian yang benci kepada Rasulullah dan mempunyai sikap prejedis yang tebal terhadap Islam. Apabila bertemu dengan Adi, Rasulullah terus membawa beliau ke rumahnya. Di rumah Rasulullah berlaku dialog tentang Islam di antara baginda dan Adi. Selepas berlakunya dialog ini Adipun memeluk Islam setelah mendengar sendiri penjelasan mengenai Islam daripada Rasulullah dan berpuas hati dengan penjelasan tersebut<sup>37</sup>,

Dalil al-Qur'an dan praktikal dakwah Rasulullah tersebut menjadi bukti tentang kepentingan memberi hak untuk mendengar ajaran Islam kepada orang-orang bukan Islam. Selagi mereka tidak diberikan pendedahan dan pengetahuan tentang ajaran Islam dan cara hidup orang-orang Islam selagi itulah mereka akan terus menunjukkan sikap prejedis dan permusuhan terhadap Islam.

Menyahut semangat al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah tersebut, IF telah mengambil satu pendekatan yang relevan bagi menangani sikap prasangka non-Muslim terhadap Islam. Pendekatan yang dimaksudkan ini ialah program berbentuk latihan kepada non-Muslim yang diberi nama Cultural Awareness Training (CAT).

Menurut maklumat yang terdapat di dalam pamphlet CAT, kursus ini dirangka secara khusus untuk non-Muslim dengan tujuan mendedahkan kefahaman

<sup>37</sup>Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti (1988). *Fiqh al-Sirah*, jil.3, Mohd.Yusof Ismail (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar. h.198-200.

dasas mereka tentang kehidupan dan budaya hidup orang-orang Islam. Melalui kurus ini, para peserta didedahkan dengan aspek-aspek kepercayaan, ibadah dan budaya hidup orang-orang Islam<sup>38</sup>. Objektif CAT secara lebih khusus menurut Nadeem Malik, Penyelaras CAT, ialah<sup>39</sup>:

1. Pendidikan dan dakwah. Kursus ini mempunyai matlamat menyampaikan mesej Islam yang jelas kepada non-Muslim.
2. Dasar mempengaruhi (policy influence). Maksud policy influence ialah agar peserta kursus dapat mempengaruhi polisi yang dibuat berkaitan dengan orang Islam.

Sasaran kursus ini ialah orang-orang yang terlibat dan berhubung secara langsung dengan orang-orang Islam dan urusan dan kegiatan harian. Berdasarkan maklumat dalam Pamflet CAT, sehingga kini golongan yang mengikuti kursus CAT adalah terdiri daripada pekerja di sektor awam dan swasta seperti pekerja sosial, pegawai polis, guru, kakitangan hospital, kaunselor, pegawai perhubungan awam, pengurus dan lain-lain<sup>40</sup>. Kefahaman golongan pekerja tersebut terhadap Islam dan budaya hidup orang-orang Islam sangat perlu memandangkan mereka adalah orang-orang yang berhubung terus dengan masyarakat Islam dalam pelbagai urusan harian.

---

<sup>38</sup>Pamflet Kursus *Cultural Awareness Training*.

<sup>39</sup>Nadeem Malik, Penyelaras CAT, temubual, 22 Mei 2002.

<sup>40</sup>Ibid.

Topik-topik tertentu seperti *Beliefs and Practices, Muslims in Britain, Mosque and Community* dan *Islamophobia* telah dipilih bagi program CAT ini. Menurut Nadeem Malik, topik-topik ini dipilih kerana dua sebab<sup>41</sup>:

1. Keperluan memberitahu kepada peserta kursus tentang Islam. Dengan lain perkataan apa yang patut mereka tahu tentang Islam. Contohnya tentang Islamophobia.
2. Ada perkara-perkara yang peserta kursus ingin tahu tentang Islam. Misalnya Non-Muslim ingin mengetahui tentang masjid dan masyarakat serta kepercayaan dan amalan orang-orang Islam.

Menurut Nadeem Malik lagi, tajuk-tajuk ini juga dipilih berdasarkan kepada pengalaman menganjurkan program CAT pada tahun-tahun sebelumnya<sup>42</sup>.

Kajian terhadap brosur CAT menunjukkan program ini biasanya diadakan pada hujung minggu dan mengambil masa selama dua hari. Masa kursus dan tempoh program yang diadakan ini adalah munasabah dan sesuai dengan para kakitangan awam dan swasta. Berdasarkan brosur tahun 2000 misalnya, IF telah menyusun jadual bagi program CAT secara berkala seperti berikut<sup>43</sup>.

---

<sup>41</sup>Nadem Malik, *op.cit.*

<sup>42</sup>*Ibid.*

<sup>43</sup>Brosur Cultural Awareness Training

Jadual 3: Program Berkala ‘*Cultural Awareness Training*’ bagi tahun 2000-2001

Tahun 2000	Tahun 2001
20-21 September	17-18 Januari
18-19 Oktober	21-22 Februari
22-23 November	21-22 Mac 18-19 April

*Sumber: Brosur Cultural Awareness Training*

Berdasarkan jadual di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa IF telah mengadakan program ini secara berterusan. Kursus secara berterusan ini adalah satu kaedah yang baik dalam memastikan keberkesanannya. Bagi memastikan keberkesanan ini bilangan peserta biasanya dihadkan di antara sepuluh hingga 20 orang peserta sahaja bagi setiap kali kursus. Keadaan ini membolehkan peserta mendapat peluang sama rata dalam proses pembelajaran.

Melalui CAT para peserta didedahkan kepada kedua-dua aspek teori dan amali Islam. Satu bentuk komunikasi dua hala antara pensyarah dan peserta diwujudkan. Para peserta diberi peluang berdialog secara langsung dengan pensyarah melalui kaedah *one to one dialogue*<sup>44</sup>. Ini adalah satu kaedah IF menggalakkan peserta kursus mengetahui sendiri persoalan Islam dan umat Islam

---

<sup>44</sup>*Pamphlet Cultural Awareness Training.*

daripada sumber yang asli, bukan daripada sumber kedua seperti media dan lain-lain.

Pada mulanya kajian ini telah bercadang mengedarkan set soal selidik untuk melihat keberkesanannya program. Bagaimanapun atas faktor tertentu (kerahsiaan), pihak IF tidak membenarkan set soal selidik diedarkan ataupun peserta ditemubual. Sehubungan dengan itu, penilaian kajian ini terhadap program CAT bergantung kepada terhadap 32 borang soal selidik yang diedarkan IF sendiri terhadap 32 responden daripada dua siri kursus yang dianjurkan. Kajian ini membuat penilaian berdasarkan data yang ada tersebut untuk mengetahui respon peserta terhadap kurusus. Berdasarkan data yang ada, didapati bahawa para responden telah memberi respon yang positif terhadap CAT. Kajian ini membuat kesimpulan reaksi peserta terhadap program CAT seperti berikut:

- 1) Seramai 25 orang responden menyatakan pensyarah kursus mempunyai pengetahuan yang luas dan telah menyampaikan kursus dengan baik
- 2) 13 orang menyatakan pengendali kursus ramah dan bersedia membantu.
- 3) 28 orang berpandangan kursus ini memberi faedah dan meningkatkan kefahaman mereka terhadap Islam
- 4) 24 orang berpendapat kandungan kursus praktikal dan informatif
- 5) 15 orang responden menyatakan lokasi kursus sesuai dan kemudahan yang ada di tempat kursus baik.

Berdasarkan hasil kajian ini, dapatlah dikatakan program IF telah mencapai objektifnya memberikan penjelasan Islam kepada non-Muslim. Ini kerana lebih daripada separuh responden telah memberikan respon bahawa program CAT telah

meningkatkan kefahaman mereka terhadap Islam, praktikal dan informative. Walaupun pandangan terhadap sikap ramah pengendali kursus dan kesesuaian lokasi kursus adalah kurang daripada separuh. Ini tidak boleh dijadikan ukuran untuk menyatakan bahawa kursus ini tidak berjaya. Ini kerana, bagi kedua-dua aspek ini, lebih daripada separuh peserta tidak memberi apa-apa respon.

Secara umumnya berdasarkan respon peserta tersebut, program mendekati non-Muslim dari kalangan profesional melalui CAT ini berupaya mengurangkan sikap prejudis dan pandangan negatif non-Muslim terhadap Islam. Pekerja-pekerja non-Muslim yang mengikuti kursus tersebut sekurang-kurangnya boleh berperanan menyampaikan maklumat Islam kepada teman-teman atau rakan sekerja mereka yang lain. Program yang dianjurkan ini juga menunjukkan adanya usaha dakwah oleh IF terhadap Non-Muslim dan ianya dilaksanakan secara sistematik dan praktikal.

#### **4.3.2 Program Saudara Baru**

Islam menggesa supaya supaya kebijakan saudara baru diberi perhatian sewajarnya. Mereka perlu didekati, dibimbing, diajar dan dilatih supaya kefahaman dan keyakinan mereka terhadap Islam dapat dipertingkat dan diperkuatkan. Antara ayat al-Qur'an yang menekankan soal kebijakan saudara baru ialah:

♦ إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَدِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ  
فَلَوْبَاهُمْ وَفِي الْرِّقَابِ وَالْقَدِيرِ مِيزَانٌ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ آتِيَّ الشَّبِيلِ فِي رِضَةٍ  
مِنْ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mu'allaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) pada jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan (ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah; Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana"

Terjemahan Surah al-Tawbah (9):60.

*Al-Mu'allafah qulubuhum* di dalam ayat di atas mengikut tafsiran al-Shaukani<sup>45</sup> ialah orang yang telah Islam yang dijinakkan hati oleh Rasulullah dengan pemberian. Berdasarkan ayat ini, pemberian di sini ialah zakat. Berdasarkan amalan Rasulullah berhubung pentafsiran ayat 60, Surat al-Tawbah ini, golongan saudara baru perlu diberi perhatian dan diambil berat hal-ehwal mereka termasuk melalui peruntukan zakat.

IF telah mengadakan pelbagai inisiatif untuk melatih saudara baru agar mereka memahami Islam dan boleh menjadi pendakwah di samping memberi perhatian terhadap kebijakan mereka. Bagi mencapai matlamat ini, IF telah menubuhkan unit saudara baru yang dikenali sebagai New Muslims Project (NMP)

---

<sup>45</sup> Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Shaukani (t.t), *Fath al-Qadir*, juz.2. T.tp: Dar al-Fikr, h.372-73.

yang mengendalikan segala urusan dan program berkaitan dengan saudara baru. NMP boleh dianggap saluran komunikasi yang penting, relevan dan tepat dalam menghubungkan saudara baru ke arah memantapkan lagi keyakinan mereka terhadap Islam melalui pelbagai program yang dilaksanakan.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, didapati program-program berkaitan saudara baru yang dilaksanakan oleh NMP ialah:

1. Mengatur program-program pendidikan bagi memantapkan kefahaman mereka terhadap Islam. Beberapa program telah diatur dan dilaksanakan seperti kursus asas kefahaman Islam dan kursus Bahasa Arab peringkat asas. Kursus-kursus ini biasanya diadakan dua atau tiga minggu sekali di mana saudara baru akan berkumpul di komplek Markfield dan menginap di sana tujuh hingga sepuluh hari<sup>46</sup>.

Dalam kursus kefahaman Islam para peserta diajar aspek-aspek asas berhubung akidah, ibadat dan akhlak. Kursus kefahaman Islam ini dijangka mampu melahirkan seorang Muslim yang baik dan sekaligus boleh melahirkan pendakwah Islam.

2. Mengumpul maklumat yang lengkap mengenai bilangan saudara baru. Malumat ini boleh menjadi asas penting kepada NMP mengatur program untuk saudara baru dari semasa ke semasa dan mengenal pasti keperluan mereka<sup>47</sup>.

---

<sup>46</sup>Buku Program IF (t.t). Leicester: The Islamic Foundation, h.15.

<sup>47</sup>Batool Toma, Pengurus NMP, temubual, 20 Julai 2000.

3. Menyedia dan melahir pendakwah di kalangan saudara baru yang mampu menyampaikan mesaj Islam secara berkesan kepada kaum masing-masing. Program pengajian Islam dan Bahasa Arab seperti yang disebutkan terdahulu adalah dalam rangka mencapai matlamat ini.
4. NMP mengadakan program berbuka puasa bersama pada bulan ramadan setiap tahun pada hari yang tertentu. Program ini bertujuan merapatkan silatul rahim di kalangan saudara baru.
5. Mengatur trip haji dan umrah ke Mekah pada setiap tahun. Sebelum jemaah haji berangkat ke Mekah, mereka terlebih dahulu diberi kursus berkenaan haji dan perlaksanaannya. Kursus ini biasanya diadakan selama tiga hari di Markfield Conference Centre. Contohnya bagi tahun 2000, kursus haji diadakan pada 11-13 Februari dengan bayaran penyertaan sebanyak 30 pound streling<sup>48</sup>. Trip haji ke Mekah bertujuan mendedahkan saudara baru dengan suasana di mana bermulanya Islam dan tempat di mana lahirnya Nabi Muhammad sebagai Rasul di samping mendapat faedah spiritual<sup>49</sup>. Berdasarkan laporan yang dimuatkan dalam Meeting Point, para peserta menyatakan rasa puas hati terhadap program yang diatur. Seorang peserta, Safiyah O'Donnell misalnya menyatakan bahawa inisiatif NMP mengadakan kursus dan mengatur trip haji dan umrah telah memudahkan mereka melaksanakan ibadah tersebut<sup>50</sup>.

---

<sup>48</sup> *Meeting Point*, Disember 1999. Leicester: The Islamic Foundation, h.10.

<sup>49</sup> *Fail The New Muslims Project* (t.t). Leicester: The Islamic Foundation, h.5.

<sup>50</sup> *Meeting Point*, June 2000. Leicester: The Islamic Foundation, h.8.

6. Menolong saudara baru yang menghadapi masalah dalam kehidupan baru. Sebagai orang yang baru memeluk Islam, sudah tentulah golongan ini menghadap masalah berkaitan tekanan emosi, kewangan dan lain-lain. NMP dari semasa ke semasa berusaha mengurang dan mengatasi masalah yang dihadapi saudara baru sama ada dengan mengusahakan bantuan kewangan, memberikan sokongan dan khidmat nasihat. Menurut penyelaras NMP, Batool Toma, IF tidak mampu memberi bantuan kewangan kepada saudara baru yang menghadapi masalah kewangan. Justeru itu, IF melalui NMP telah cuba membantu mengatasi masalah kewangan saudara baru dengan memohon daripada sumber-sumber lain seperti orang persaorangan yang bersimpati dengan saudara baru<sup>51</sup>. NMP kemudiannya bertindak menyalurkan bantuan yang sampai kepada saudara baru yang memerlukan.
7. Menerbitkan buletin yang diberi nama *The Meeting Point*. Buletin ini diterbitkan secara berkala. Antara isu-isu yang dimuatkan dalam buletin ini ialah mengenai soal akidah seperti konsep syahadah dan konsep kerasulan, ibadat seperti sembahyang dan puasa, kekeluargaan Islam, berita-berita atau iklan mengenai kursus-kursus yang dianjurkan oleh IF seperti kursus haji, kursus Bahasa Arab, berita tentang kematian, ucapan tahniah mengenai kelahiran anak, surat dari pembaca dan lain-lain<sup>52</sup>. Tajuk-tajuk artikel di dalam *Meeting Point* antaranya ialah *God Consciousness the Objective of Fasting*<sup>53</sup>, *The Concept of God in Islam*<sup>54</sup>

---

<sup>51</sup>Batool Toma. Penyelaras NMP, temubual. 20 Julai 2000.

<sup>52</sup>Sebagai contoh sila lihat *Meeting Point*, Julai & Disember 1999, Mac & Jun 2000.

<sup>53</sup>*Meeting Point*, Disember 1999.

<sup>54</sup>*Meeting Point*, Disember 2000.

dan *Responsibility of Words*<sup>55</sup>. *Meeting Point* bertindak sebagai saluran penting bagi saudara baru mengetahui maklumat dan perkembangan terkini tentang sesuatu isu, medium ilmu dan platform untuk menyampaikan pendapat serta alat penghubung di kalangan saudara baru.

Berdasarkan fakta-fakta yang telah disebutkan, dapatlah dirumuskan bahawa NMP telah memainkan peranan penting dalam membimbing saudara baru. Terdapat empat bidang yang dilaksanakan IF dalam membantu saudara baru iaitu latihan, pendidikan, rundingan atau khidmat nasihat dan khidmat sokongan. Bentuk-bentuk program seperti ini sangat perlu dalam membimbing saudara baru. Seperti yang dinyatakan Batool Toma, latihan terhadap saudara baru adalah *on going process* yang diadakan secara bermusim sahaja, tetapi mempunyai kesinambungan dan dilaksana secara terancang<sup>56</sup>.

#### **4.3.3 Program Latihan Belia**

Belia adalah aset penting bagi sesebuah negara dan masyarakat. Pada pandangan Islam, belia adalah golongan penting justeru potensi mereka perlu digembangkan secara bijak. Al-Qur'an menggunakan istilah *fata* yang boleh diterjemahkan dengan maksud belia. Contohnya ialah firman Allah:

---

<sup>55</sup> *Meeting Point*, Jun 2001.

<sup>56</sup> Batool Toma, *op.cit.*, 20 Julai 2000.

نَحْنُ نَقْضٌ عَلَيْكُمْ تَبَأْنُهُمْ بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِي شَيْءٍ لَا يَمْلَأُونَ يَوْمًا بِرَبِّيْوْمٍ  
وَذَلِكُمْ هُدُى

Maksudnya:

*"Sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk."*

Terjemahan Surah al-Kahfi (18):13.

Menurut pendapat Ibnu Kathir, golongan yang tersebut di dalam ayat ini ialah merujuk kepada pemuda yang lebih menerima kebenaran dan petunjuk berbanding golongan tua yang masih sesat dan bergelumang dengan kebatilan<sup>57</sup>. Bagaimanapun ini tidak bermakna bahawa semua golongan tua tidak beriman dan semua golongan muda beriman. Ini bergantung pula kepada hidayah Allah dalam memberi petunjuk kepada seseorang sama ada muda maupun tua.

Berkaitan dengan pembangunan belia ini, IF dari masa ke semasa menyusun, mengatur dan melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah memupuk, mendidik dan mengembangkan potensi belia sehingga mereka boleh memberikan sumbangaan bermakna untuk kepentingan agama Islam dan masyarakat keseluruhannya. Kajian ini menemukan program-program belia yang dilaksanakan IF ialah:

1. Program Bahasa Inggeris untuk golongan remaja. IF mengatur satu program Bahasa Inggeris secara khusus untuk golongan remaja ini yang diberi nama Markfield English Language Summer School (MELSS).

---

<sup>57</sup>Abī al-Fidā' Ismā'il Ibnu 'Umar Ibnu Kathīr (1990), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz*, jil.3, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, h.74-75.

Kursus ini memakan masa selama sebulan. Para peserta kursus adalah terdiri dari remaja pelbagai negara terutamanya negara-negara Arab seperti Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Kuwait, Bahrain dan lain-lain<sup>58</sup>.

Modul kursus ini turut memuatkan beberapa program lain seperti riadah, melawat tempat-tempat menarik di Britain dan membeli belah. Melalui lawatan dan membeli belah umpamanya bertujuan meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Selain daripada acara-acara tersebut, IF juga telah memasukkan program berbentuk kerohanian seperti solat berjemaah dan membaca al-Qur'an bersama-sama. Melihat kepada bentuk dan pengisian program tersebut, jelas IF mempunyai dua matlamat daripada program ini, iaitu membolehkan para remaja menguasai Bahasa Inggeris dan membentuk remaja bersahsiah dan berketrampilan. Temubual terhadap sepuluh orang pelajar mendapati kursus ini telah memberi sumbangan kepada peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris.

Kesimpulannya dapatlah dirumuskan bahawa aktiviti-aktiviti yang diatur dalam program ini adalah untuk membiasakan pelajar berada di dalam situasi di mana mereka boleh mempraktik Bahasa Inggeris yang telah dipelajari di dalam kelas.

2. IF memberikan sokongan dan galakan kepada pendidikan dan pembangunan belia. Satu temubual dengan Chowdury Mueen-Uddin, Timbalan Ketua Pengarah IF menyatakan bahawa IF tidak

---

<sup>58</sup>The Islamic Foundation Annual Report 1997/1998.

menganjurkan program belia secara khusus, tetapi memberi sokongan terhadap sebarang aktiviti berkait dengan belia<sup>59</sup>. Sokongan dan galakan ini dilaksanakan melalui dua cara iaitu membenarkan belia menggunakan premis IF bagi menganjurkan aktiviti berkaitan belia dan membantu penubuhan organisasi belia.

Laporan tahunan IF 1997/98 misalnya menunjukkan komitmen IF terhadap aktiviti belia. Menurut laporan tersebut, terdapat 16 organisasi pemuda menggunakan kemudahan di Markfield Conference Centre dengan lebih daripada 51 program yang telah diadakan<sup>60</sup>. Selain daripada itu, bantuan IF dalam menubuhkan organisasi belia dapat dilihat dengan tertubuhnya Young Muslims UK (YMUK) pada tahun 1984. Orang berperanan penting di sebalik penubuhan YMUK ialah Khuram Murad iaitu Ketua Pengarah IF pada masa itu. Malah di peringkat awal penubuhannya, YMUK telah menggunakan premis IF sebagai pejabat operasinya<sup>61</sup>. Kini YMUK telah wujud sebagai sebuah organisasi belia yang dikenali di Britain dan aktif mengatur pelbagai program belia.

Program-program yang diadakan oleh IF yang melibatkan belia sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti MELSS, program perkhemahan belia, kebenaran belia menggunakan premis IF untuk mereka melaksanakan sesuatu program sehingga kepada penubuhan organisasi belia adalah antara cara IF

<sup>59</sup>Muin Udden Chowdury, Timbalan Ketua Pengarah IF, temubual, 7 Jun 2002.

<sup>60</sup>*Ibid.*

<sup>61</sup>Ron Geaves (1996), *op.cit.*, h.206.

berusaha mengembangkan bakat dan potensi belia Muslim ke arah lahirnya generasi berwibawa selaras dengan matlamatnya mendidik belia bersahsiah dan berketrampilan.

#### **4.4 Dakwah dalam Bidang Penerbitan**

Dakwah melalui penerbitan adalah satu kaedah yang penting dan relevan ke arah menarik sasaran dakwah menghayati ajaran Islam. Kaedah dakwah melalui penerbitan ada kaitan dengan sunnah dakwah yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah. Baginda telah menghantar surat-surat kepada pembesar-pembesar di beberapa negara pada ketika itu yang menyeru kepada Islam seperti surat kepada Raja Muqauqis di Mesir dan Hiraqla, raja Rom dan sebagainya<sup>62</sup>.

Penerokaan IF dalam bidang penerbitan mempunyai kaitan rapat dengan visinya menghakis salah faham masyarakat bukan Islam terhadap Islam yang menurut Dr. Manazir Ahsan berpunca daripada paparan media, bahan-bahan bertulis yang sedia ada dan legasi orientalis<sup>63</sup>. Penerbitan bahan-bahan bertulis dalam bentuk cetakan mahupun elektronik adalah satu percubaan IF membina persepsi Islam yang positif di kalangan Non-Muslim dan mengikis masalah salah faham mereka terhadap Islam.

---

<sup>62</sup>Ibn Ishaq (1990), *The Life of Muhammad*, A.Guillaume (terj.). Oxford: Oxford University Press, h.653.

<sup>63</sup> Manazir Ahsan, Director General The Islamic Foundation, temubual, 22 Jun 2000.

Usaha mencapai matlamat dakwah telah dilaksanakan IF dalam pelbagai bentuk penerbitan. Ini telah dinyatakan dengan jelas di dalam Pamflet Penerbitan IF<sup>64</sup>. Kajian yang dilakukan mendapat bentuk-bentuk penerbitan yang dilaksanakan IF ialah buku, jurnal, audio-kaset, audio-visual, poster dan kaligrafi yang menyentuh pelbagai aspek. Berikut dikemukakan penjelasan terhadap bentuk-bentuk penerbitan yang dimaksudkan satu persatu:

### 1) Buku

IF giat menerbitkan buku-buku bagi menyebarluaskan mesej Islam kepada masyarakat. Menurut Katalog Penerbitan IF tahun 1999/2000, IF telah menerbitkan lebih kurang 200 buah buku dalam pelbagai bidang sama ada berbentuk karya asli mahupun terjemahan. Kajian yang dilakukan terhadap IF telah mendapat institusi ini telah menerbitkan buku-buku dalam pelbagai bidang atau tema yang meliputi aspek-aspek pengajian Islam secara umum, al-Qur'an, Hadith dan Sirah Rasulullah, perbandingan agama, gerakan dakwah, pendidikan, kekeluargaan dan wanita, masyarakat Islam, buku kanak-kanak dan undang-undang. Bidang atau tema buku-buku yang dihasilkan IF ialah seperti berikut:

#### 1. Ekonomi Islam

IF telah banyak menghasilkan buku-buku mengenai ekonomi Islam dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya seperti kewangan dan perbankan. Buku-buku yang dihasilkan dalam bidang ini telah dilakukan IF sejak tahun 1979 lagi

---

<sup>64</sup>Pamflet Penerbitan IF menyatakan bahawa matlamat penerbitannya ialah membina kefaaman Islam yang lebih baik kepada semua manusia di seluruh dunia. (Lihat *Pamflet Penerbitan IF* (t.t). Leicester: The Islamic Foundation dan *Website IF*, [www.islamic-foundation.com](http://www.islamic-foundation.com)).

iaitu dengan penerbitan dua buah buku bertajuk *Economic Development in an Islamic Framework* oleh Kurshid Ahmad dan *Objectives of the Islamic Economics Order* tulisan Muhammad Umer Chapra<sup>65</sup>.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, didapati IF telah menghasilkan penerbitan yang menyentuh pelbagai isu berhubung ekonomi, perbankan dan kewangan Islam. Konsep, peranan dan objektif ekonomi Islam telah disentuh dalam buku yang bertajuk *Essays in Islamic Economics*, oleh M.Fahim Khan<sup>66</sup>. Buku ini bukan sahaja membincangkan tentang konsep ekonomi Islam, tetapi juga kesesuaianya untuk dilaksanakan dalam dunia kontemporari.

Prinsip keadilan dan ekonomi Islam terutamanya melalui pengenalan konsep perbankan tanpa faedah, pengagihankekayaan secara adil, tanggung jawab sosial dalam ekonomi Islam serta pemikiran tokoh-tokoh klasik dan semasa berhubung ekonomi Islam telah dikupas dan dianalisa oleh pelbagai penulis mengikut bidang kepakaran masing-masing. Muhammad Nejatullah Siddiqui misalnya telah menulis buku yang mengupas tentang isu perbankan tanpa faedah<sup>67</sup>. Karya berhubung pemikiran tokoh silam tentang konsep ekonomi juga telah diterbitkan oleh IF melalui buku bertajuk *Economic Concept of Ibn Taimiah* oleh Abdul Azim Islahi. Buku ini membincangkan pandangan Ibnu Taimiah berhubung konsep ekonomi Islam<sup>68</sup>.

<sup>65</sup>Lihat Kurshid Ahmad (1979), *Economic Development in an Islamic Framework*. Leicester: The Islamic Foundation dan Muhammad Umer Chapra (1979), *Objectives of the Islamic Economic Order*. Leicester: The Islamic Foundation.

<sup>66</sup>Lihat M.Fahim Khan (1995). *Essays in Islamic Economics*. Leicester: The Islamic Foundation.

<sup>67</sup>Muhammad Nejatullah Siddiqui (1988). *Banking Without Interest*. Leicester: The Islamic Foundation.

<sup>68</sup>Abdul Azim Islahi (1988). *Economics Concepts of Ibn Taimiah*. Leicester: The Islamic Foundation.

Buku-buku yang diterbitkan IF bukan sahaja menyentuh aspek ekonomi Islam secara teoritikal, tetapi juga turut menyentuh isu-isu semasa berhubung perlaksanaan ekonomi Islam<sup>69</sup>. Penghasilan buku-buku berhubung ekonomi Islam ini adalah relevan dan kena pada tempatnya dalam konteks IF memperlihatkan keindahan Islam kepada masyarakat. Bagaimanapun, IF perlu meningkatkan lagi penerbitan buku-buku berhubung ekonomi Islam terutamanya buku-buku terjemahan dari Bahasa Arab ke Bahasa Inggeris. Ini dapat menambahkan lagi koleksi buku-buku tentang ekonomi Islam di IF dan seterusnya boleh menjadi bahan rujukan berguna kepada semua pihak yang berminat memahami dan mendalami ilmu ekonomi Islam.

## 2. Al-Qur'an

Bidang al-Qur'an juga diberi perhatian dalam penerbitan IF. Buku yang diterbitkan IF mengenai tema-tema yang berkaitan dengan al-Qur'an antaranya ialah<sup>70</sup> *A Course in Ilm Al-Tajwid: The Science of Reciting the Qur'an*. Buku yang ditulis oleh Dr.Muhammad I.H.I. Surty ini menjadi ia manual yang berfaedah mengenai pengajaran ilmu bacaan al-Qur'an termasuk ilmu tajwid<sup>71</sup>. *The Qur'an in Plain English: Part 30*, adalah sebuah buku yang mengandungi penjelasan makna ayat-ayat al-Qur'an yang mudah untuk semua golongan, kanak-kanak, orang muda dan orang tua<sup>72</sup>.

---

<sup>69</sup>Selain buku tersebut, banyak lagi buku-buku berhubung ekonomi Islam, perbankan dan kewangan yang dihasilkan IF. Lihat Catalogue 1999/2000 & 2001/2002 untuk senarai buku ekonomi Islam.

<sup>70</sup>Catalogue 1999/2000, h.2-5.

<sup>71</sup>Muhammad I.H.I. Surty (1992). *A Course in Ilm Al-Tajwid: The Science of Reciting the Qur'an*. Leicester: The Islamic Foundation.

<sup>72</sup>Iman Tores (1993), *The Qur'an in Plain English*, Part 30. Leicester: The Islamic Foundation.

Bagi tujuan mengembangkan ilmu dan memberi kefahaman yang jelas dan mendalam kepada masyarakat khususnya berkaitan al-Qur'an. IF telah mengambil isiatif menterjemah buku-buku asing ke Bahasa Inggeris. Dua karya terjemahan bernilai yang dihasilkan IF ialah *Towards Understanding the Qur'an* karangan Abul A'la Mawdudi<sup>73</sup> dan *In The Shade of The Qur'an* karya Sayyid Qutb<sup>74</sup>. Kedua-dua buku terjemahan ini sangat bermakna kerana ia dihasilkan oleh dua tokoh gerakan Islam. Pembaca buku ini akan dapat mengetahui dan mengkaji pemikiran kedua-dua tokoh ini.

Selain daripada buku-buku tersebut, ada lagi buku-buku lain yang diterbitkan IF berkaitan tema al-Qur'an<sup>75</sup>. Jika diteliti kepada judul atau tema buku-buku yang diterbitkan, ia menjelaskan hasrat IF merealisasikan matlamat-matlamat berikut, iaitu:

1. Menggali dan menyebarkan khazanah ilmu Islam melalui sumbernya yang asal iaitu al-Qur'an.
2. Memberi kefahaman yang jelas kepada pelbagai lapisan masyarakat mengenai al-Qur'an dan ajarannya.
3. Melahirkan masyarakat harmonis melalui kefahaman yang menyeluruh dan jelas terhadap isi kandungan al-Qur'an.

Penerbitan buku-buku dalam bidang al-Qur'an penting dan sekurang-kurangnya dapat menampung kekurangan buku-buku berbahasa Inggeris dalam

<sup>73</sup> Sayyid Abu A'la Mawdudi (1988), *Towards Understanding the Qur'an*, Zafar Ishaq Ansari (terj. & edit). Leicester: The Islamic Foundation.

<sup>74</sup> Sayyid Qutb (2000), *In The Shade of The Qur'an*, M.A.Salahi & A.A.Shamis (terj.). Leicester: The Islamic Foundation.

<sup>75</sup> Lihat Catalogue 1999/2000 & 2001/2002, untuk senarai buku-buku berkaitan bidang al-Qur'an yang dihasilkan IF.

bidang ini. Buku-buku yang dihasilkan IF sesuai dan dapat membantu masyarakat memahami aspek-aspek berkaitan al-Qur'an seperti ilmu tajwid, pengenalan kepada ilmu ulum al-Qur'an, tafsir al-Qur'an dan prinsip-prinsip ajatran Islam. Namun demikian, masih terdapat kekurangan berkaitan penerbitan dalam bidang al-Qur'an yang diusahakan oleh IF, iaitu karya-karya terjemahan terutamanya terjemahan kitab-kitab tafsir dari Bahasa Arab ke Bahasa Inggeris. Sehingga kini hanya dua karya terjemahan tafsir diterbitkan IF iaitu terjemahan tafsir *Fi Zilal al-Qur'an* oleh Sayyid Qutb dan *Tafhim al-Qur'an* oleh Mawdudi<sup>76</sup>.

### 3. Hadith dan Sirah Rasulullah

Penerokaan penerbitan buku-buku mengenai hadith dan Sirah Rasul telah dan sedang giat dilakukan IF<sup>77</sup>. Di antara buku-buku yang diterbitkan IF di dalam bidang hadith dan Sirah Rasul ialah buku Ahmad von Denffer (1982), *A Day With the Prophet Muhammad*. Leicester: The Islamic Foundation. Buku ini mengutarakan sunnah hidup Rasulullah s.a.w. Buku Mustafa Ahmad al-Zarqa (1992), *Muhammad (peace be upon him); The Perfect Model for Humanity*. Leicester: The Islamic Foundation pula menyingkap sirah hidup Nabi Muhammad sebagai tokoh yang sangat berpengaruh dalam sejarah kemanusiaan dan menjadi model untuk diikuti. Penerbitan buku seperti ini penting supaya masyarakat memahami tentang kehidupan Rasulullah yang boleh menjadi role model kepada kehidupan manusia.

<sup>76</sup>Lihat Catalogue 1999/2000 & 2001/2002, IF

<sup>77</sup>Lihat Catalogue 1999/2000 untuk senarai buku-buku dalam bidang hadith dan Sirah Rasul yang diterbitkan IF.

Melalui buku-buku hadith dan Sirah ini, IF cuba menonjolkan aspek hidup Rasulullah melalui sumber-sumber yang berotoriti dan autentik. Ia adalah satu usaha yang memang wajar dilakukan IF dan tepat dengan situasi yang ada. Ini kerana cara hidup Rasulullah sering dijadikan sasaran eksplotasi dan disalah tafsir oleh sesetengah penulis Barat sehingga memberi kesan terhadap cara berfikir dan perspektif umum masyarakat Barat terhadap Islam dan Rasulullah.

#### 4. Perbandingan Agama

Kefahaman tentang agama-agama penting dan relevan dalam dakwah terutamanya dalam konteks masyarakat majmuk. Oleh kerana itu, IF turut menumpukan perhatian menerbitkan buku-buku berhubung perbandingan agama<sup>78</sup>. Di antara buku-buku yang dihasil dan diterbitkan dalam bidang perbandingan agama ialah karya Ahmad von Denffer & Ataullah Siddiqui, (1985), *Christians Literature for Muslims*. Leicester: The Islamic Foundation. Buku ini menjelaskan tentang tulisan-tulisan Kristian tentang Islam dan dunia Islam untuk kepentingan evangelism mereka. Oleh itu, ia boleh menjadi rujukan berguna kepada orang-orang Islam yang ingin mengetahui tentang pendekatan missionari Kristian terhadap Islam. Buku oleh Ismail Raji al-Faruqi, *Islam and Other Faiths*, Ataullah Siddiqui (edit), 1998. Leicester: The Islamic Foundation pula adalah karya yang penting yang boleh menyumbang kepada kefahaman mengenai hubungan Islam dengan lain-lain kepercayaan seperti Yahudi, Kristian, Buddha dan Hindu.

---

<sup>78</sup>Lihat Catalogue 1999/2000 & 2001/2002 untuk senarai buku berkaitan bidang perbandingan Agama.

Berdasarkan tajuk-tajuk buku yang dihasil dan diterbitkan, sebahagian besarnya didapati ditumpukan kepada kajian perbandingan antara agama Islam dan Kristian serta hubungan antara kedua agama tersebut. Ini mungkin ada kaitan dengan fakta bahawa masyarakat Islam di Britain adalah sentiasa berhubung dengan komuniti yang sebahagian besarnya adalah beragama Kristian. Bagaimanapun terdapat juga buku-buku yang turut membincangkan tentang lain-lain agama seperti buku *Islam and Other Faiths* oleh Ismail Raji al-Faruqi. Selain daripada itu, buku-buku yang diterbitkan IF juga mendedahkan tentang aktiviti dan gerakan kristianisasi oleh missionari Kristian di beberapa negara di dunia seperti di Sudan, Indonesia dan Jerman. Buku-buku yang diterbitkan IF dalam bidang ini adalah satu inisiatif yang baik untuk memaklumkan kepada orang-orang Islam tentang wujudnya gerakan Kristianisasi di pelbagai tempat di dunia ini.

## 5. Gerakan Dakwah

Buku-buku berkaitan dakwah, gerakan dakwah dan pendekatannya sangat perlu di negara Barat seperti Britian. Bagi memenuhi keperluan ini, IF berusaha menerbitkan buku-buku dalam bidang ini sebagai panduan kepada pendakwah dan masyarakat Islam<sup>79</sup>. Buku Khurram Murad, *Da'wah Among Non-Muslims in the West: Some Conceptual and Methodological Aspects*, 1986. Leicester: The Islamic Foundation misalnya telah mengemukakan metode dakwah terhadap masyarakat bukan Islam khususnya di Barat. Buku

---

<sup>79</sup>Lihat Catalogue 1999/2000 & 2001/2002 untuk senarai buku dalam bidang gerakan dakwah.

seperti ini adalah sesuai dan boleh menjadi panduan yang berguna kepada semua pihak yang berkecimpung dalam bidang dakwah.

Sasaran dakwah IF juga ditujukan kepada golongan belia. Buku terjemahan karya Hasan al-Banna, *Letter to a Muslim Student* (terjemahan), 1995. Leicester: The Islamic Foundation adalah contoh kepada usaha ini. Buku ini asalnya adalah surat nasihat yang dikirim oleh Hasan al-Banna kepada pengikut-pengikutnya yang belajar di Barat. Meskipun ditujukan kepada pengikut-pengikut Hasan al-Banna di Barat, tetapi ia juga berguna sebagai panduan kehidupan golongan muda di Barat.

Secara umumnya buku-buku yang diterbitkan IF tersebut menyentuh tentang:

1. Tanggung jawab masyarakat Islam menghayati Islam sebagai satu cara hidup.
2. Pendekatan dakwah yang sesuai dan perlu dengan situasi masyarakat Barat.
3. Pemikiran tokoh dakwah seperti Mawdudi dan Hassan al-Banna
4. Peranan dan tanggung jawab orang-orang Islam menyampaikan dakwah di Barat.

Buku-buku yang mengupas tentang persoalan dakwah, gerakan dakwah, pemikiran tokoh-tokoh gerakan Islam tersebut adalah perlu dan relevan dengan masyarakat Islam di Barat yang dahagakan bimbingan dakwah. Selaras dengan hakikat ini, IF perlu menerbitkan lebih banyak lagi buku-buku berhubung dakwah. Buku-buku dakwah yang diterjemah dari Bahasa Arab adalah kurang.

Sehubungan dengan itu, IF hendaklah mengambil inisiatif menerbitkan buku-buku dakwah yang diterjemah dari Bahasa Arab dan lain-lain bahasa yang boleh memberi faedah kepada dakwah di Britain.

## 6. Pendidikan

Pendidikan tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia. Berasaskan kepentingan melahirkan generasi muslim yang memahami tujuan kehidupan, IF mengusahakan penerbitan buku-buku bercorak pendidikan<sup>80</sup>. Contoh buku yang diterbitkan di dalam bidang ini ialah *R.E. Briefs on Islam: A guide for Teachers*, 1996. Leicester: The Islamic Foundation. Buku ini menyediakan garis panduan umum tentang pendidikan dan pengajaran agama Islam. Ia meliputi tajuk mengenai Islam, al-Qur'an, prinsip-prinsip ibadat, perayaan dalam Islam, keluarga dan kehidupan sosial Islam. Buku ini menjadi manual berguna kepada para guru.

Selain daripada buku tersebut, Mustafa Yusuf McDermott & Muhammad Manazir Ahsan, *The Muslim Guide*, 1993. Leicester: The Islamic Foundation pula mempersembahkan tentang aspek kepercayaan, nilai-nilai Islam dan budaya hidup masyarakat Islam serta panduan tentang kehidupan masyarakat Islam di Britain.

Penerbitan buku-buku mengenai pendidikan menunjukkan keprihatinan IF melahirkan generasi Islam yang faham Islam dan dapat menghayatinya dalam kehidupan mereka. Buku-buku yang diterbitkan tersebut telah menyediakan panduan atau manual penting bagi kehidupan seorang Muslim

---

<sup>80</sup>Lihat Catalogue 1999/2000 & 2001/2002 untuk senarai buku dalam bidang pendidikan.

dalam menghadapi cabaran persekitaran, nilai dan corak kehidupan masyarakat Barat.

## 7. Kekeluargaan dan Wanita

Islam menekankan kepentingan pembentukan keluarga yang baik. Keluarga yang baik menjadi asas kepada masyarakat yang baik. Nas-nas al-Qur'an dan hadith-hadith Rasulullah banyak menyentuh persoalan keluarga dan wanita. Al-Qur'an sebagai kitab hidayah menggesa supaya bimbangan sewajarnya diberikan terhadap keluarga. Firman Allah:

يَتَأْمِنُهَا الَّذِينَ عَامَلُوا قُوَّاً أَنفُسَكُمْ وَأَغْلِيَّكُمْ تَارِىٰ وَقُوَّهَا الْئَائِمَّةُ  
وَالْجِحَارَةُ عَلَيْهَا مَلِّيْكَةُ غِلَاظَ شَدَادَ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَتَعَلَّمُونَ  
مَا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka"*

Terjemahan Surah al-Tahrim (66):6.

Selaras dengan gesaan tersebut, IF telah mengambil langkah menghasilkan buku mengenai konsep keluarga dan wanita menurut Islam. Buku-buku yang dihasilkan berhubung tema ini ialah B.Aisha Lemu & Fatima Hereen, *Women in Islam*, 1978. Leicester: The Islamic Foundation. Buku ini menjelaskan tentang kedudukan wanita dalam Islam. Kurshid Ahmad, *Family Life in Islam*, 1981. Leicester: The Islamic Foundation pula menyentuh tentang prinsip-prinsip asas kekeluargaan Islam.

Selain daripada buku-buku tersebut, ada beberapa buku lain yang dihasilkan IF yang berkaian dengan bidang pendidikan ialah Zakaria Bashier, *Muslim Women in the Midst of Change*, 1985. Leicester: The Islamic Foundation dan Fatima M.D'Oyen, *The Miracle of Life: A Guide on Islamic Family Life and Sex Education for Young People*, 1996. Leicester: The Islamic Foundation<sup>81</sup>.

Buku-buku yang diterbitkan tersebut telah menyentuh tentang aspek wanita dan kekeluargaan Islam, teori dan praktik. Jumlah buku yang diterbitkan IF dalam bidang wanita dan kekeluargaan Islam ini adalah sedikit. IF sepatutnya menerbitkan lebih banyak buku dalam bidang ini memandangkan persoalan keluarga dan wanita sangat penting dalam pembangunan masyarakat. Ini ditambah pula dengan semakin meningkatnya pengikut-pengikut Islam di Britain yang memerlukan bahan-bahan yang dapat mereka rujuk sebagai panduan hidup berkeluarga menerut perspektif Islam. Adanya tanggapan negatif terhadap Islam berhubung isu wanita juga menjadi faktor penting mengapa IF perlu menerbitkan lebih banyak buku berhubung wanita dan kekeluargaan Islam.

Namun demikian, sumbangan IF dalam rangka memberi bimbingan kepada hidup berkeluarga dan wanita menurut cara Islam tidaklah dapat dinafikan. Buku-buku yang dihasilkan boleh menjadi rujukan berguna kepada komuniti Islam di Britain dan juga kepada pihak yang berminat mengetahui pandangan Islam terhadap keluarga dan wanita.

---

<sup>81</sup>Lihat Catalogue 1999/2000 & 2001/2002 untuk senarai buku dalam bidang wanita dan kekeluargaan.

## 8. Masyarakat Islam

Umat Islam menurut al-Qur'an adalah bersaudara (Surah al-Hujurat (49):10). Mereka bertanggung jawab berbuat baik dan tolong-menolong serta prihatin sesama mereka. Menghayati semangat ini, IF telah menerbitkan buku-buku yang memaparkan keprihatinan terhadap isu-isu atau krisis yang berlaku di kalangan masyarakat Islam<sup>82</sup>.

Buku-buku yang diterbitkan mengenai hal-ehwal masyarakat Islam ini ialah M.Ali Kettani, *The Muslim Minorities*, 1979. Leicester: The Islamic Foundation. Buku ini menerangkan secara ringkas data kedudukan orang-orang Islam sebagai minoriti di beberapa negara termasuk negara-negara Eropah seperti Britain. IF juga tidak ketinggalan perihatin terhadap isu buku Satanic Verses. Sehubungan dengan itu, satu inisiatif telah diambil IF dengan menerbitkan buku bertajuk *Sacrilege versus Civility: Muslim Perspective on the Satanic Verses Affair*, 1993. Leicester: The Islamic Foundation. Buku yang diedit oleh M.M Ahsan & A.R.Kidwai ini mengandungi himpunan surat-surat, memorandum dan pandangan pelbagai pihak terhadap isu *Satanic Verses* termasuk non-Muslim. Ia adalah satu langkah yang baik bagi mendapat maklumat berhubung isu tersebut dan bermanfaat untuk pendekatan dakwah.

Sebahagian besar buku-buku berkaitan masyarakat Islam minoriti adalah diterbitkan pada tahun 1990-an. Fokus utama buku-buku yang diterbitkan pada tahun-tahun tersebut ialah ditumpukan kepada permasalahan survival umat Islam di negara-negara Asia Tengah atau bekas Soviet dan negara-negara Balkan yang mengalami pergolakan. Penerbitan buku-buku tersebut

---

<sup>82</sup>Lihat Catalogue 1999/2000 & 2001/2002 untuk senarai buku-buku berkaitan tema masyarakat Islam.

menunjukkan keprihatinan IF terhadap masalah yang dihadapi masyarakat Islam sejagat, bukan sahaja di Britain.

## 9. Buku Kanak-kanak

Kanak-kanak adalah entiti penting masyarakat. Mereka perlu diasuh, dididik dan dibimbing dengan cara yang sempurna agar mereka dapat membesar dalam keadaan yang sempurna. Berkaitan dengan pendidikan kanak-kanak ini, IF telah menerbitkan buku-buku yang boleh menyumbang kepada pendidikan kanak-kanak<sup>83</sup>. Buku yang bertujuan mendidik kanak-kanak dalam pelbagai tema seperti mencintai Allah, ibubapa, jiran dan lain-lain telah diterbitkan IF. *The Children's Book of Islam*, Part One, 1982. Leicester: The Islamic Foundation contohnya menyediakan panduan kepada kanak-kanak tentang akidah Islamiah. *The Children's Book of Islam*, Part Two, 1981. Leicester: The Islamic Foundation pula menyediakan panduan ibadat dalam Islam kepada kanak-kanak. Bagi memupuk peraan cinta kepada Allah, IF telah menghasilkan buku bertajuk *Love Your God*, 1982. Leicester: The Islamic Foundation<sup>84</sup>.

Buku-buku mengenai pendidikan untuk kanak-kanak yang diterbitkan boleh memberi sumbangan kepada melahirkan generasi beriman, berilmu dan bersahsiah. Soal-soal akidah, ibadat dan akhlak diterapkan kepada kanak-kanak melalui buku yang dihasilkan. Ini dapat dilihat contohnya kepada buku seperti *Love Your God* yang menanam kepercayaan dan kecintaan kepada Tuhan, *Love*

<sup>83</sup>Lihat Catalogue 1999 2000 & 2001 2002 untuk senarai buku berkaitan pendidikan kanak-kanak.

<sup>84</sup>Lihat Khurram Murad (1982), *Love Your God*. Leicester: The Islamic Foundation.

*Your Brother, Love Your Neighbour*, menyentuh tentang penghayatan nilai akhlak dan *The Children's Book of Solah* mengenai ibadat sembahyang. Penghasilan buku berhubung pendidikan kanak-kanak ini wajar dilakukan memandangkan kanak-kanak adalah aset yang sangat berharga untuk pembinaan masa hadapan masyarakat Islam.

#### 10. Undang-undang

IF juga menerbitkan buku dalam bidang undang-undang Islam atau syariah untuk memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai aspek undang-undang Islam. Buku-buku yang dihasilkan mengenai undang-undang Islam ialah Abu A'la Maududi, *Human Rights in Islam*, 1976. Leicester: The Islamic Foundation. Buku ini menjelaskan tentang hak-hak asasi manusia berdasar al-Qur'an dan sunnah. Khurram Murad, *Shari'ah: The Way to God*, 1981. Leicester: The Islamic Foundation dan Khurram Murad, *Shari'ah: The Way of Justice*, 1981. Leicester: The Islamic Foundation. Buku ini membicarakan mengenai keadilan undang-undang Islam<sup>85</sup>.

Buku-buku dalam bidang undang-undang Islam tidak banyak dihasilkan oleh IF. Ini mungkin kerana keadaan di negara Britain yang diperintah oleh orang-orang bukan Islam tidak memungkinkan perlaksanaan undang-undang Islam. Oleh itu IF menumpukan bidang-bidang lain yang difikirkan lebih mendesak. Lagipun masyarakat Islam terpaksa memikirkan cara bagaimana untuk terus surival sebagai kumpulan minoriti. Bagaimanapun, buku mengenai undang-undang Islam ini tetap diperlukan dalam rangka memberi kefahaman

---

<sup>85</sup> Lihat Catalogue 1999/2000 & 2001/2002 untuk senarai buku berkaitan undang-undang.

yang jelas kepada masyarakat agar tidak melihat dan mentafsir undang-undang Islam dari perspektif yang salah.

## 2) Jurnal

Selain menerbitkan buku, IF juga menerbitkan jurnal. Sebagai sebuah organisasi yang berorientasikan penyelidikan, penerbitan dan akademik, IF telah menghasilkan jurnal-jurnal yang berfaedah untuk penyelidik, ahli akademik, pelajar dan sesiapa sahaja yang ingin mencari bahan kajian berkualiti yang terdapat di dalam jurnal. Setakat ini ada tiga judul jurnal yang dihasilkan IF, iaitu *Encounters*, *The Muslim World Book Review* (MWBR) dan *Review of Islamic Economics* (RIE).

### 1. Jurnal *Encounters*

*Encounters* adalah sebuah jurnal yang membincang dan mengupas isu-isu berkaitan dengan kajian perbandingan agama. Jurnal ini diterbitkan secara dwitahunan atau dua kali setahun. Menurut pamphlet *Encounters*, jurnal ini bertujuan menyediakan satu forum untuk membincang dan menganalisis isu-isu berhubung yang menyentuh pelbagai agama dari pelbagai dimensi. Matlamat asasnya adalah menyumbang ke arah mewujudkan semangat dialog yang membawa kepada persefahaman di kalangan penganut pelbagai agama<sup>86</sup>.

Di antara artikel-artikel yang diterbitkan oleh jurnal *Encounters* ialah Soumaya Pernilla Ouis, ‘Mc Donald’s or Mecca? An Existential Choice of Qibla for Muslims in a Globalized World?’, *Jurnal Encounters*, Vol.7, no.2, September 2001. Artikel ini mengupas pertembungan dua budaya, Islam dan

---

<sup>86</sup>Lihat Pamflet *Encounters*.

Barat. Budaya Barat merujuk kepada istilah Mc Donald yang digunakan manakala budaya Islam merujuk kepada Mekah. Artikel oleh Murad Wilfried Hofmann, "The Protection of Religious Minorities in Islam", *Encounters*, Vol.4, no.2, September 1998 pula menjelaskan tentang pandangan Islam terhadap kumpulan minoriti beragama khususnya dalam konteks pemerintahan Islam.

Selain daripada artikel-artikel tersebut, terdapat lain-lain artikel yang dimuatkan dalam *Encounters*. Di antaranya ialah Seyyed Hossein Nasr, "Islam at the Dawn of the New Christian Millenium", *Encounters*, Vol.5, no.2, 1999, Kurshid Ahmad, "Man and the Future Civilization", *Encounters*, Vol.4, no.2, September 1998, Khurram Murad, "Living Together in a World of Diverse Faiths", *Encounters*, Vol.5, no.2, 1999 dan lain-lain.

Berdasarkan tajuk-tajuk artikel yang diterbitkan dalam *Encounters*, dapatlah dikatakan bahawa ia adalah selaras dengan aspirasi dan tujuan jurnal ini diterbitkan, iaitu untuk mewujudkan semangat dialog yang boleh menyumbang kepada wujudnya persefahaman di kalangan pengikut pelbagai agama melalui forum intelektual. Ia juga selaras dengan matlamat penubuhan IF itu sendiri yang berhasrat menyumbang kehidupan masyarakat Britain yang harmoni dan saling memahami.

## 2. *The Muslim World Book Review* (MWBR)

Jurnal MWBR diterbitkan sejak tahun 1981. MWBR ialah sebuah jurnal review. Ia diterbitkan tiga kali setahun. Tujuan jurnal ini seperti yang tercatat

di dalam pamphlet MWBR ialah bertujuan melahirkan kefahaman yang baik di kalangan pembaca terhadap dunia Islam<sup>87</sup>.

Tulisan-tulisan di dalam jurnal ini memuatkan komentar dan ulasan terhadap artikel-artikel atau buku mengenai Islam dan dunia Islam sama ada di Barat mahupun di Timur<sup>88</sup>. Tulisan yang diulas tersebut terdiri daripada artikel-artikel di dalam buku, artikel di dalam jurnal, jurnal dan buku yang dihasilkan.

Menurut rekod IF, sebanyak empat ribu tajuk telah diulas oleh MWBR sejak ianya diterbitkan. Topik yang diulas oleh MWBR adalah meliputi aspek-aspek Quran, hadith dan sirah, syariah, pemikiran Islam, gerakan Islam, sejarah Islam, ekonomi Islam, wanita dan gerakan feminism, sains dan teknologi, tamadun dan kesenian Islam, perbandingan agama, Islam di Barat dan buku kanak-kanak

Antara artikel yang telah diterbitkan di dalam MWBR ialah S.Parvez Manzoor, *Against the Reduction of Islam to Governance*, vol.19, no.4, 1999. Leicester: The Islamic Foundation dan Ibrahim Abu Rabi', *Between Sacred Text and Cultural Constructions: Modern Islam and Intellectual History*, Leicester: The Islamic Foundation dan V.S Naipul, 1998. *Beyond Belief: Islamic Excursion Among The Converted*. London: Little Brown. Buku V.S Naipul ini diulas oleh Samiullah Koreshi. Koreshi dalam artikel yang disiarkan dalam MWBR telah membuat ulasan dengan membetulkan konsepsi Naipul yang menyamakan Islam sebagai agama Arab<sup>89</sup>.

---

<sup>87</sup>Lihat Pamflet *MWBR*

<sup>88</sup>Katalog Penerbitan IF 1999/2000, *op.cit.*, h.35.

<sup>89</sup>Lihat *Muslim World Book Review*, Vol.22, no.1, Oktober-Disember 2001.

Selain membuat ulasan terhadap buku, artikel dan sumber-sumber di dalam internet, MWBR juga menyediakan senarai terbitan terbaru mengenai Islam di dalam Bahasa Inggeris. Penyediaan senarai terbitan terbaru mengenai buku-buku Islam ini telah memudahkan para penyelidik ataupun pembaca mencari bahan-bahan berkaitan bidang yang diminati dan dikaji mereka. Ia adalah strategi serampang dua mata, iaitu memuatkan artikel berbentuk ulasan dan memberi maklumat terkini mengenai buku Islam yang baru diterbitkan.

### 3. *Review of Islamic Economic*

*Review of Islamic Economic*(RIE) adalah sebuah jurnal dwi-tahunan. Jurnal ini adalah hasil kerjasama IF dengan International Association of Islamic Economics<sup>90</sup>. Ia diterbitkan sejak tahun 1991<sup>91</sup>. *Review of Islamic Economics* diterbitkan dalam dua bahasa, iaitu Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Isu-isu yang dimuatkan dalam jurnal ini mengenai pemikiran ekonomi klasik dan semasa.

Contoh-contoh artikel yang dimuatkan dalam RIE ialah Luca Errico & Mitra Farahbaksh, "Islamic Banking: Issues in Prudential Regulations and Supervision". Jurnal *Review of Islamic Economics*, No.10, 2001. Artikel ini menganalisa tentang implikasi petunjuk Islam tentang struktur dan aktiviti-aktiviti bank dengan memberi fokus kepada isu-isu penyeliaan perbankan<sup>92</sup>.

Abdelhamid Brahimi, dengan artikel bertajuk "The Origin of Islamic Economics". Jurnal *Review of Islamic Economics*, No.10, 2001 pula

<sup>90</sup> Manazir, *op.cit.*, h.3.

<sup>91</sup> Islamic Economics Unit, [www.Islamic-foundation.org.uk/economics.html](http://www.Islamic-foundation.org.uk/economics.html), 30 Mei 2002.

<sup>92</sup> Lihat Jurnal *Review of Islamic Economics*, No.10, 2001.

mengemukakan sumbangan tokoh-tokoh Islam silam seperti al-Ghazali dan Ibnu Taymiyyah terhadap perkembangan teori dan pemikiran ekonomi semasa. Penerbitan jurnal ini adalah satu langkah yang sesuai dengan semangat IF menyebar pemikiran ekonomi Islam dan menjadi rujukan berguna bagi perlaksanaan ekonomi Islam dalam dunia masakini.

### 3) Audio-Visual

Menurut *Kamus Dewan*<sup>93</sup>, audio-visual ialah perkara yang melibatkan atau menggunakan pendengaran dan penglihatan. Berdasarkan takrif Kamus Dewan ini dapatlah difahami bahawa termasuk audio-visual ialah alat-alat yang dapat didengar dan dapat dilihat seperti kaset, video, slide-tape, poster, cakera padat, (CD) dan lain-lain.

Perkembangan globalisasi dengan alatan moden turut mempengaruhi perkembangan dakwah. Justeru itu, IF dalam merealisasikan tugas dakwah secara lebih efisien mengambil perhatian terhadap pengguna alatan moden dan canggih sebagai medium menyalurkan mesej Islam.

IF melalui Unit Audio-Visual telah menghasilkan program-program dalam bentuk video, kaset, slide-tape, cakera padat, peta dan poster<sup>94</sup>. Bentuk-bentuk program secara audio-visual yang dilaksanakan IF ialah:

---

<sup>93</sup>Kamus Dewan (1994), *op.cit.*, h.73.

<sup>94</sup>The Islamic Foundation (t.t), *loc.cit.*, h.6.

## 1. Kaset

IF memberi penumpuan khusus kepada pengeluaran kaset mengenai cerita kanak-kanak. Kaset kanak-kanak bertujuan mendidik di samping mengandungi unsur hiburan. Di antara kaset-kaset yang dihasilkan berhubung tema pendidikan kanak-kanak ialah M.S. Kayani, *A Great Friend of Children*. Leicester: The Islamic Foundation (tajuk ini juga dibukukan), Yusuf Islam & M.Davies, *Love All Creatures*. Leicester: The Islamic Foundation, Khurram Murad, *Love at Home, Love Your God & Love Your Brother, Love Your Neighbour*. Leicester: The Islamic Foundation, M.S.Kayani & Khurram Murad, *The Brave Boy*. Leicester: The Islamic Foundation dan lain-lain<sup>95</sup>.

## 2. Video

Video juga boleh menjadi satu medium dakwah yang penting. Oleh kerana itu, IF telah mengambil inisiatif menyebarkan dakwah melalui penghasilan video dalam pelbagai topik. Contoh Topik video yang dihasilkan IF ialah *An Exclusive Interview with Professor Ghulam Azam* (Amir Jama'at-e-Islami, Bangladesh). Leicester: The Islamic Foundation dan *Hijrah: Past and Present*. Leicester: The Islamic Foundation. Video ini mengupas persoalan hijrah yang disampaikan oleh Prof.Kurshid Ahmad. Sementara itu, *Islamic Da'wah in the West*. Leicester: The Islamic Foundation pula adalah video yang mengandungi syaranan oleh Dr.Jamal Badawi mengenai dakwah Islamiah di Barat.

Selain daripada tajuk-tajuk tersebut, IF juga menghasilkan video bertajuk *Introducing the Islamic Foundation*. Leicester: The Islamic Foundation (Video

---

<sup>95</sup> Lihat Catalogue, 1999/2000, h.30.

ini bertujuan memperkenalkan IF kepada orang ramai), *Islam in Europe*. Leicester: The Islamic Foundation (Video dokumentari mengenai konferen sehari tentang Islam di Eropah), *The Life of The Prophet Muhammad*. Leicester: The Islamic Foundation (Video yang mengisahkan kehidupan Rasulullah) dan *Timeless Time: An Islamic Interpretation of Time and Space*. Leicester: The Islamic Foundation (Ia adalah sebuah video yang membincangkan mengenai tafsiran masa menurut al-Qur'an).

Berdasarkan fakta tersebut, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa video yang diterbitkan IF ialah video yang berbentuk temubual, syarahan, rencana mengenai topik-topik tertentu seperti kehidupan Rasulullah dan rakaman terhadap siri-siri seminar, konferen dan syarahan yang dianjurkan oleh IF. Topik-topik yang dipilih ini sesuai dalam memperkenalkan IF kepada masyarakat dan juga seiring dengan matlamat dakwah supaya mesaj Islam disebarluaskan dengan jelas melalui apa juar bentuk atau pendekatan termasuk video.

### 3. Cakera Padat

Setakat ini IF telah menghasilkan sebuah cakera padat (CD) berbentuk kuiz, iaitu *PC Islamic Quiz Game* (PCIQ). CD ini sesuai untuk masyarakat umum. Ia bertujuan memberi pengetahuan Islam kepada masyarakat melalui ‘permainan kuiz Islam’ atau *Islamic Quiz Game*<sup>96</sup>. Selain ilmu-ilmu Islam dalam pelbagai bidang seperti sirah dan fekah, CD ini turut memuatkan juzu’

---

<sup>96</sup>Ibid., h.29.

terakhir al-Qur'an (Juzu' Amma) beserta terjemahannya di dalam Bahasa Inggeris.

Dengan itu dapatlah dikatakan bahawa PCIQ ini mempunyai konsep menyalurkan ilmu pengetahuan di samping merupakan satu bentuk hiburan terhadap pengguna. Jadi, pengguna dapat menimba ilmu pengetahuan dalam suasana menyeronokkan. Konsep ini amat sesuai untuk dilaksanakan bagi menarik masyarakat kepada Islam melalui cara yang tidak begitu formal dan rigid. Lagipun naluri manusia memang suka kepada hiburan. Dalam konteks dakwah, naluri manusia ini perlu diraikan agar mesej dakwah dapat disampaikan secara lancar. Sehubungan dengan itu, IF perlu menerbitkan lebih banyak lagi CD seperti PCIQ.

#### 4. Poster dan Peta

Poster dan peta juga berperanan sebagai saluran menyampaikan mesej Islam secara tidak langsung. Untuk merealisasikan tujuan ini, IF telah menghasilkan poster-poster yang memaparkan pelbagai aspek ajaran Islam dan perkara-perkara yang berkaitan dengan masyarakat Islam. Tajuk-tajuk poster yang dihasilkan ialah *Islam a Natural Way of Life, Basics Beliefs, Five Duties, The Qur'an, Muhammad: The Prophet* (pbuh), *The Ka'bah, 3 Sacred Places, Muslims, Hajj, Zakah & Sawm, Wudu'* dan *Community*<sup>97</sup>.

Selain poster yang berkonsepkan asas-asas ajaran Islam yang meliputi aspek akidah, ibadah dan masyarakat, IF juga menerbitkan poster yang berbentuk kaligrafi Islam ataupun khat dan sebuah peta dunia Islam. IF telah

---

<sup>97</sup>Ibid., h.32.

menghasilkan enam set poster berbentuk khat, iaitu Poster 1: Mengandungi nama-nama Allah, Poster 2: Poster mengenai bantuan Allah kepada sesiapa yang menolongnya. Poster 3: Poster Surah Yasin, Poster 4: Poster Surah al-Ikhlas, al-Falaq, al-Nas dan al-Kafirun, Poster 5: Mengandungi tema Allah sebagai pelindung dan Poster 6: Mengandungi kata-kata hikmah Saidina Ali<sup>98</sup>.

Berdasar tema atau tajuk poster dan peta yang dihasilkan tersebut, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa ia mempunyai matlamat memupuk budaya atau cara hidup Islam di kalangan masyarakat yang disampaikan dalam bentuk seni. Ini kerana poster dan peta menunjukkan isyarat supaya budaya hidup Islam perlu diamalkan dalam kehidupan.

## 5. Slide

Di samping menghasilkan kaset, video, CD dan poster, IF juga mempunyai slide untuk kegunaan penyelidikan dan kajian. Unit Audio-Visual IF mempunyai simpanan slide berjumlah enam ribu keping dalam bidang kesenian Islam, ibadat seperti haji, Islam sebagai satu cara hidup dan lain-lain. Antara bidang atau tema slide yang terdapat di IF ialah *Islam: The Way of Peace*. Leicester: The Islamic Foundation, *Islamic Art & Architecture*. Leicester: The Islamic Foundation dan *The Hajj*. Leicester: The Islamic Foundation<sup>99</sup>.

Bahan yang dihasilkan dalam bentuk slide ini adalah usaha IF menyediakan pakej yang boleh menjelaskan Islam sebagai agama yang

---

<sup>98</sup> *Ibid.*, h.33.

<sup>99</sup> *Ibid.*

universal yang turut menyentuh soal kesejahteraan dan kedamaian hidup, kesenian Islam dan aspek ibadah haji sebagai satu pengalaman spiritual. Islam sebagai agama damai yang dihasilkan melalui slide ini boleh menjadi medium dakwah ke arah menghakis tanggapan negatif terhadap Islam di kalangan non-Muslim khususnya.

Berdasarkan perbincangan yang dilakukan, dapatlah dirumuskan bahawa IF telah melaksanakan dakwah dalam bidang penerbitan melalui pelbagai bentuk penerbitan, iaitu buku, jurnal, audio-visual (kaset, video, cakera padat, poster dan peta) dan slide. Penerbitan yang telah dihasilkan ini telah menyentuh pelbagai aspek seperti ekonomi, politik, Qur'an, hadith, seerah, perbandingan agama, kekeluargaan dan lain-lain. Usaha seperti ini perlu dan penting sesuai dengan tuntutan dakwah agar Islam disampaikan secara jelas dan meliputi semua aspek ajaran Islam.

#### **4.5 Dakwah dalam Bidang Dialog**

Dialog menurut *Kamus Dewan* ialah perbincangan atau perundingan antara dua pihak yang bertelingkah kepentingannya<sup>100</sup>. Dalam Bahasa Arab perkataan-perkatan seperti *jadal* dan *hiwār* biasanya merujuk kepada konsep dialog. Dalam *Mu'jam Muhiṭ* umpamanya, perkataan *jadal* dan *hiwār* (debat/diskusi) diguna bagi maksud dialog<sup>101</sup>.

---

<sup>100</sup>Kamus Dewan (1994), *op.cit.*, h.302.

<sup>101</sup>*Mu'jam Muhiṭ* (1972), *op.cit.*, h.111 & 205.

Islam menganjurkan pendekatan dakwah melalui teknik dialog. Para pendakwah digesa supaya melaksanakan dialog sebagai salah satu pendekatan dakwah. Dalil al-Qur'an yang menunjukkan keperluan pendekatan dialog dalam dakwah ialah:

أَذْعُ إِلَيْنِي سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَسَنَةِ وَجَدِيلَهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَخْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَا فِي الْأَرْضِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْأُمُورِ<sup>١</sup>

Maksudnya:

"Serulah kejalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk."

Terjemahan Surah al-Nahl (16): 125.

Di dalam surah al-Ankabut, ayat 46 juga dinyatakan tentang teknik berdakwah secara dialog. Firman Allah:

\*وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَخْسَنُ

Maksudnya:

"Dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik"

Istilah *mujadalah* di dalam ayat-ayat al-Qur'an tersebut menunjukkan kepada makna yang baik, iaitu dialog mestilah dilaksanakan sebaik mungkin. Hakikat ini disokong oleh Al-Qurtubi yang mengulas ayat 46 Surah al-Ankabut. Ini

kerana menurut beliau dakwah dengan cara yang terbaik mengandungi konotasi menyeru mereka kepada Allah<sup>102</sup>.

Sehubungan dengan itu, al-Qur'an sebagaimana yang dijelaskan melalui kedua-dua ayat tersebut menggesa orang-orang Islam berdialog dengan cara yang terbaik dengan non-Muslim di dalam dakwah. Tujuan dialog dalam dakwah bukan untuk mencari kemenangan, tetapi lebih kepada maksud menyampaikan mesej Islam berdasarkan kebenaran. Justeru itu, pendakwah mestilah bersedia dari segi mental, emosi dan ilmu sebelum berdialog dengan non-Muslim.

Dalam konteks ini, IF bergiat aktif melaksanakan dakwah melalui metode dialog. Pendekatan ini difikirkan perlu dilaksanakan agar mesej Islam yang syumul dan jelas dapat disampaikan secara berkesan kepada masyarakat. Kajian tesis PhD Ataullah Siddiqui (1994) mengenai *Muslims Concern in Dialogue: A Study of Christian-Muslim Relations Since 1970* antara lain turut membincangkan secara khusus penglibatan IF dalam dialog. Kajian tersebut membuktikan IF begitu memberi perhatian terhadap dialog sebagai inisiatif dakwah dalam mewujudkan persefahaman dan keharmonian di kalangan masyarakat pelbagai agama.

Fakta ini diperkuuhkan lagi dengan kenyataan Director general IF, Dr. Manazir Ahsan yang menekankan keperluan dialog dalam konteks dakwah di Britain. Beliau berpendapat bahawa dalam zaman demokrasi, kebebasan dan kerjasama, dialog adalah penting<sup>103</sup>.

<sup>102</sup> Abū Ḥāfiẓ ʻAbdillāh al-Qurtubī (t.t), *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, jil.23, h.350.

<sup>103</sup> Manazir Ahsan, Director General IF, temubual, 22 Jun 2000.

Dalam melaksanakan dialog dengan pihak-pihak berkaitan, IF telah mengemukakan enam garis panduan yang diharap dapat membantu mewujudkan kerjasama dan persefahaman dalam dialog, iaitu<sup>104</sup>:

1. Islam hendaklah dilihat sebagai sebahagian dari Eropah. Ia tidak wajar dilihat sebagai asing atau *newcomer to Europe*. Dialog tidak akan bermakna sehingga Eropah mengiktiraf Islam sebagai sebahagian daripada agama dan kebudayaannya sama seperti taraf yang dinikmati agama Yahudi dan Kristian
2. Kejahilan dan salah maklumat (ignorance and misinformation) telah menjelaskan hubungan di antara orang-orang islam dengan orang-orang Kristian dan Yahudi. Justeru itu, IF berpendapat, satu usaha secara bersungguh-sungguh dan sistematik hendaklah dilakukan agar ketiga-tiga agama dapat difahami dengan lebih baik.
3. Penyertaan dalam dialog hendaklah diwakili oleh pihak yang berwibawa yang boleh mewakili pandangan majoriti masyarakat beragama masing-masing, bukan di kalangan kumpulan marginal yang tidak diiktiraf komuniti mereka.
4. Deklarasi terdahulu hendaklah dihormati dan dilaksanakan. Contohnya Deklarasi Chambesy pada tahun 1967<sup>105</sup>. Melalui deklarasi tersebut para peserta telah bersetuju agar pendidikan, khidmat kesihatan,

---

<sup>104</sup> Ataullah Siddiqui (1994). *op.cit.*, h.160-163

<sup>105</sup> Deklarasi Chambesy telah diadakan di Geneva, Switzerland pada 26-30 Jun 1976, anjuran *World Council of Churches* dengan kerjasama *Centre for The Study of Islam & Christian-Muslim Relations* dan *The Islamic Foundation*. Deklarasi ini bertujuan memupuk persefahaman di antara Islam dan Kristian ke arah kebaikan bersama.

bantuan kemalangan, kebajikan masyarakat dan rancangan pembangunan tidak digunakan untuk melemahkan akidah dan budaya hidup orang-orang Islam

5. Orang-orang Islam, Kristian dan Yahudi serta semua masyarakat beragama hendaklah secara tegas bersama-sama menghadapi dan menentang elemen-elemen negatif yang timbul daripada kefahaman sekular, material, ateis dan lain-lain. Ini termasuk juga memelihara kehormatan manusia, institusi perkahwinan dan kekeluargaan, keadilan sosial dan ekonomi serta menentang jenayah dan kebiadaban.
6. Untuk mewujudkan keharmonian di kalangan masyarakat pelbagai agama dan budaya, setiap kumpulan masyarakat sama ada majoriti ataupun minoriti hendaklah membina semula individu, sosial, pendidikan, budaya dan kehidupan berekonomi mengikut perspektif agama, nilai dan undang-undang.

Program dialog telah bermula sejak tahun 1976 lagi di mana Prof Kurshid telah menyertai Deklarasi Chambesy pada tahun 1976 anjuran World Council of Church<sup>106</sup>. Sejak itu telah mengambil inisiatif mengadakan dialog sama ada di peringkat lokal maupun di peringkat nasional. Antara program dialog yang telah diadakan oleh IF ialah:

- IF dengan kerjasama *Citizen Organising Foundation* telah menganjurkan satu program dialog bagi membincangkan hasrat menukuhan bank Islam.

---

<sup>106</sup>Ahmad Von Denffer (1980), *Dialogue Between Christians and Muslims*, Part 3. Leicester: The Islamic Foundation, h.37.

Dialog ini telah diadakan pada 8 September 1999, di Markfield Conference Centre. Ia telah dipengerusikan oleh Prof.Kurshid Ahmad dan telah dihadiri oleh ahli akademik, pengamal bank dan pemimpin masyarakat<sup>107</sup>.

- Pada tahun 1986 IF telah menyertai Leicester Council of Faith iaitu sebuah badan yang diangotai wakil pelbagai agama seperti Kristian, Yahudi, Sikh dan Hindu. Pada tahun 1987 pula, IF telah menyertai National Network Inter-Faith (NNIF). Melalui NNIF IF telah bersama-sama menjalankan rundingan dengan pihak berkuasa supaya memasukkan aspek agama dalam bancian penduduk tahun 2001.

- IF dengan kerjasama Centre for the Study of Islam and Christian-Muslim Relations, Selly Oak Colege, Birmingham telah mengadakan program dialog pada 22 Oktober 1997 yang diberi nama Joint Consultation. Tema dialog ini ialah Towards and Inclusive Europe. Matlamat program ini ialah membincangkan idea-idea berhubung masyarakat beragama Islam dan Kristian di Eropah. Program dialog ini telah disertai oleh 23 peserta yang terdiri dari ahli-ahli akademik, pihak media dan aktivis Islam dan Kristian dari pelbagai negara Eropah<sup>108</sup>.

- IF telah menyertai satu program dialog bertajuk Muslims and Inter-faith Relations in Britain: Context, Concerns and Expectations? Di Birmingham, anjuran Birmingham City Council pada 23 Jun 1997.Wakil IF dalam program dialog ini ialah Dr.Attaullah Siddiqui<sup>109</sup>.

---

<sup>107</sup> *Newsletter*, June 2000, no.17, h.5.

<sup>108</sup> *Newsletter*, Disember 1997, no.13, h.5.

<sup>109</sup> *Ibid.*, h.6.

- Menyertai dialog tentang kebudayaan di Jerman pada tahun 1999. Dialog tersebut yang dianjurkan Presiden negara tersebut bertajuk ‘Dialogue of Cultures’<sup>110</sup>. Jemputan menyertai dialog tersebut oleh kerajaan Jerman menunjukkan satu pengiktirafan terhadap peranan IF di Eropah.
- IF juga telah menjelajah ke beberapa bandar untuk mendapatkan pandangan orang-orang bukan Islam terhadap Islam dan untuk mengetahui apakah masalah mereka dengan orang Islam. Contohnya, satu program dialog antara IF dengan penduduk Non-Muslim telah diadakan pada bulan Jun 2001 di Bradford<sup>111</sup>.

Usaha dialog yang dilaksanakan IF boleh dilihat kepentingannya dalam dua aspek, iaitu:

1. Boleh membina hubungan baik dengan lain-lain pihak melalui dialog. Ini boleh menjadi media dakwah yang efektif.
2. Dialog perlu dalam masyarakat yang pluralistik. Ia boleh mendekatkan masyarakat pelbagai agama supaya mereka boleh hidup dalam suasana yang harmoni.

Dialog yang dilakukan IF nampaknya lebih ditumpukan kepada dialog dengan Kristian. Mungkin ia ada kaitan dengan situasi di Britain yang mana komuniti Kristian adalah majoriti yang memerlukan dialog dengan komuniti ini diberi perhatian lebih. Namun demikian, perhatian juga perlu diberi kepada dialog dengan lain-lain kumpulan agama seperti Yahudi, Hindu dan lain-lain agar wujud

---

<sup>110</sup>Annual Report 1999, *loc.cit.*, h.11.

<sup>111</sup>Attaullah Siddiqui, Felo Penyelidik IF, temubual, 31 Mei 2002.

suasana persefahaman di kalangan masyarakat pelbagai agama dan juga agar Islam difahami masyarakat.

#### 4.6 Dakwah dalam Bidang Seminar dan Ceramah

Kajian yang dilakukan menunjukkan IF banyak menganjurkan program berbentuk seminar/persidangan dan ceramah. Antara seminar/persidangan dan ceramah yang sama ada dianjur atau disertai IF ialah:

- Seminar bertajuk *Islamic Movement in a Pluralist Society*. Seminar ini telah diadakan pada 12 April 1997. Seramai enam puluh orang peserta telah menyertai seminar ini<sup>112</sup>.
- *7<sup>th</sup> Intensive Orientation Seminar on Islamic Economics, Banking and Finance* pada 20-24 Mei 1999. Seminar ini mengupas isu-isu mengenai ekonomi Islam, perbankan dan kewangan. Ia telah disertai oleh pihak bank, akauntan, peguam, pelajar dan lain-lain<sup>113</sup>.
- Konferen mengenai Islam di Eropah. Ia diadakan pada tahun 1992 bersempena sambutan ulang tahun ke-20 penubuhan IF<sup>114</sup>.
- Konferen antarabangsa mengenai perbankan dan kewangan Islam pada 22-28 September 1995. Antara tokoh-tokoh yang menghadiri konferen ini ialah Eddie George, Gabenor bank of England dan Ahmad Mohammad Don, Gabenor bank Negara Malaysia pada ketika itu<sup>115</sup>.

---

<sup>112</sup>*Ibid.*

<sup>113</sup>*Newsletter*, Julai 1999, no.16, h.1.

<sup>114</sup>Kertas Pengenalan Islam in Europe Unit (t.t), h.2.

<sup>115</sup>*Ibid.*

- Konferen mengenai agama pada 7 Oktober 1998 dengan tema *People of Faith in Britain: Today and Tomorrow*. Ia telah dihadiri oleh seramai 110 orang peserta yang terdiri daripada agamawan, ahli akademik, pelajar dan pekerja sosial<sup>116</sup>.
- Konferen sehari mengenai undang-undang dan moral (Law and Morality), telah diadakan pada 19 November 1999<sup>117</sup>. Konferen ini memberi penekanan kepada aspek undang-undang dan moral.
- Konferen antarabangsa ke empat yang memberi fokus kepada ekonomi Islam dan perbankan. Konferen ini telah diadakan pada 13-15 Ogos 2000 dengan kerjasama International Association for Islamic Economics, Leicester, Islamic Research and Training Institutue, Islamic Development Bank, Jeddah dan Loughborough University, Leicester, United Kingdom. Tema konferen ini ialah *Islamic Finance, Challenges and Opportunities in The 21<sup>st</sup> Century*<sup>118</sup>.
- Konferen tentang Islam di Eropah. IF telah menyertai konferen ini yang dianjurkan oleh Green Party of Europe, di Brussels pada tahun 1999<sup>119</sup>.
- Konferen bertajuk *Mutualities: Britain and Islam*. Ia telah diadakan pada 28-30 April 2000, anjuran British Council and Foreign Commonwealth Office. IF telah menyertai konferen ini<sup>120</sup>

---

<sup>116</sup> Annual Report, *op.cit.*, h.11.

<sup>117</sup> IF Newsletter, *loc.cit.*

<sup>118</sup> Annual Report, *op.cit.*, h.13.

<sup>119</sup> *Ibid.*, h.4.

<sup>120</sup> *Ibid.*

- Seminar bersiri pada 9 Julai 1997. Pembentang kertas bagi seminar ini ialah Dr.Tariq Ramadan dengan kertasnya yang bertajuk *Muslims in Europe: Between assimilation and Alienation*<sup>121</sup>.
- Seminar bersiri pada 17 September 1997 dengan kertas bertajuk *The European Community: Its Growth and Impact on Muslims in Europe*. Pembentang kertas kerja bagi seminar ini ialah Prof.Dr.Jorgen Nielsen<sup>122</sup>.
- Seminar bersiri pada 10 november 1998 dengan kertas kerja bertajuk *Concept of Race in Islam* oleh Dr.Khwaja Arif Hassan dari Indiana State University, Amerika Syarikat<sup>123</sup>.
- Seminar bersiri pada 28 Jun 1999. Kertas kerja bagi seminar ini bertajuk *Secularism and Shariah in Contemporary Islamic Thought* dan dibentangkan oleh Prof.Ibrahim Abu Rabi dari Hartford Seminary, Connecticut, Amerika Syarikat<sup>124</sup>.
- Seminar bersiri pada 22 Mei 2000 dengan kertas kerja bertajuk *Pluralism, Multi-Culturalism and Ethnicity: An Islamic Perspective* oleh Prof.A.R Momin dari universiti Bombay, India<sup>125</sup>.
- Ceramah bertajuk *The West: Civilization and Thought*, anjuran Young Muslims pada 15 Ogos 1998 di Markfield Conference Centre. Dr.Attaullah Siddiqui, Felo Penyelidik IF telah dijemput menyampaikan ceramah tersebut<sup>126</sup>.

---

<sup>121</sup>*Newsletter*, Disember 1997, no.13, h.5.

<sup>122</sup>*Ibid.*, h.6.

<sup>123</sup>*Newsletter*, Julai 1999, no.16, h.8.

<sup>124</sup>*Newsletter*, Jun 2000, no.17, h.6.

<sup>125</sup>*Ibid.*, h.6.

<sup>126</sup>*Newsletter*.

- Ceramah bertajuk *Western Thought: An Introduction*, anjuran al-Hijrah School, Birmingham pada 1 Disember 1998. Dr. Ataullah Siddiqui diberi penghormatan menyampaikan ceramah tersebut<sup>127</sup>.
- Sohail Nakhoda, Felo Penyelidik IF telah dijemput menyampaikan ceramah bertajuk *Passing Faith on to Our Children* di Biishop's Lodge, Leicester<sup>128</sup>.
- Dilwar Hussain, penyelaras Unit Islam di Eropah, IF telah menyampaikan ceramah di Park Church, Leicester pada 4 Oktober 1999. Tajuk ceramah yang disampaikan Dilwar ialah *The Concept of God in Islam*<sup>129</sup>

Berdasarkan tajuk-tajuk ceramah dan seminar tersebut, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa IF cuba menyampaikan Islam melalui seminar dan ceramah yang merangkumi pelbagai isu dan tema seperti gerakan Islam, pemikiran Islam dan Barat, masyarakat Islam di Eropah, ekonomi Islam, undang-undang dan moral dan akidah. Usaha-usaha menyampaikan Islam melalui seminar dan ceramah ini perlu dijadikan agenda berterusan dalam memastikan kesinambungan mesej dakwah kepada masyarakat.

#### 4.7 Dakwah Umum

Kajian ini mengklasifikasikan khidmat bakti atau kebajikan sebagai dakwah umum. Dakwah melalui kebajikan boleh menjadi saluran dakwah yang berkesan.

---

<sup>127</sup>Ibid.

<sup>128</sup>Newsletter, Disember 1997, no.13, h.6.

<sup>129</sup>The Islamic Foundation: An Introduction (t.t), op.cit.h.14.

Islam menggesa umatnya supaya melakukan amal kebaikan terhadap sesama manusia (Surah al-Baqarah (2):148 & Surah al-Ma''idah (5):48). Rasulullah s.a.w dalam sebuah hadithnya menyatakan:

عَنْ أَبِيهِ مُرِيَّةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: قَالَ اللَّهُ لِتُقْرَبَ إِلَيْنَا بِالْكَيْمَانِ

Maksudnya:

“Dari Abu Hurairah r.a., Rasulullah s.a.w bersabda: Allah berfirman: Wahai anak Adam, belanjakanlah hartamu ke jalan kebaikan, nescaya Aku akan membelanjaimu<sup>130</sup>”.

Dakwah melalui kebaikan atau khidmat bakti ini telah dilaksanakan oleh IF dengan mengusahakan pelbagai aktiviti dan program. Antara program-program yang dilaksanakan IF ialah:

- IF bersama-sama lain-lain institusi dakwah terlibat dalam program mendirikan masjid, sekolah dan organisasi Islam di Britain. Menurut Buku Pengenalan IF, sehingga kini IF telah berusaha dan bekerjasama dalam mendirikan lebih daripada 20 buah sekolah Islam dan masjid di Britain<sup>131</sup>.
- IF berusaha memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan terutamanya saudara baru. Bantuan ini biasanya disampaikan dalam bentuk pengagihan zakat fitrah. Sebagai contoh, pada tahun 1998 sebanyak 1500

<sup>130</sup> Sahih Bukhari, Hadith no.1625, jil..4, H.Zainuddin Hamidy et.al. (terj.). Klang: Klang Book Centre, h.21.

<sup>131</sup> The Islamic Foundation (t.t), op.cit., h.14.

pound sterling zakat fitrah telah dikutip dan diagihkan oleh IF kepada orang yang memerlukan bantuan<sup>132</sup>.

- Keprihatinan IF terhadap soal kebajikan terbukti apabila ia telah menghulurkan bantuan bagi membela nasib pelarian Bosnia agar mereka dapat meneruskan survival. IF telah membantu menempatkan pelarian Bosnia di pelbagai tempat di Britain dan mengatur program latihan dan pendidikan agar mereka boleh berdikari dalam mencari sumber rezeki<sup>133</sup>.
- Daripada pemerhatian yang dilakukan, mendapati IF juga memberi khidmat kepada para musafir dan orang-orang yang berkunjung ke IF kerana pelbagai tujuan seperti melakukan penyelidikan, dengan menyediakan jamuan makan tengahari secara percuma. Didapati para pelawat diberi layanan yang baik oleh IF.

Dakwah umum melalui khidmat kebajikan ini adalah sesuai dan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Melalui khidmat kebajikan yang diberikan, seperti jamuan untuk musafir yang mengunjungi IF manusia akan lebih mudah untuk didakwahkan. Ini kerana manusia secara psikologinya, akan tersentuh hati dengan bantuan dan khidmat kebajikan yang diberikan. Konsep Hari Terbuka atau Open Day yang dianjurkan IF telah menjadi saluran mempertemukan IF dengan masyarakat dan secara tidak langsung dakwah dapat disampaikan kepada pengunjung.

---

<sup>132</sup> *Meeting Point*, April 1999, h.10.

<sup>133</sup> *The Islamic Foundation: An Introduction*. (t.t), *op.cit.*, h.15.

#### **4.8 Hubungan dengan Institusi-institusi Berkaitan**

Usaha menyampaikan dakwah dengan lebih berkesan telah dilaksanakan IF dengan menjalin hubungan dengan institusi-institusi berkaitan. Hubungan yang diwujudkan IF ialah hubungan dalam dan hubungan luar.

##### **1) Hubungan Dalam**

IF telah membentuk hubungan secara dalaman (hubungan dalam negeri) dengan institusi-institusi berikut:

###### **1. Hubungan dengan Institusi Kerajaan**

Jalinan hubungan dengan institusi kerajaan sangat penting bagi memastikan kesinambungan kerja-kerja dakwah dapat berjalan secara lancar. Sehubungan dengan itu, IF telah mengorak langkah dengan menjalinkan hubungan baik dengan pihak kerajaan. Hubungan ini juga sangat perlu dalam memastikan aspirasi dan hak-hak masyarakat Islam dapat disampaikan secara berkesan kepada pihak kerajaan. Hubungan dengan pihak kerajaan ini dapat dilihat melalui penyertaan IF dalam program-program kerajaan sama ada dengan menjadi anggota dalam organisasi kerajaan ataupun melalui khidmat nasihat serta rundingan IF terhadap badan-badan kerajaan.

Menurut Laporan IF 1999, IF telah menjalinkan hubungan dengan beberapa jabatan kerajaan melalui sumbangan khidmat nasihat berkaitan polisi yang membabitkan kepentingan masyarakat Islam. Institusi-institusi yang IF terlibat memberi memberi khidmat nasihat dan rundingan ialah *Ministry of*

*Foreign Affairs, Ministry of Home Office, Ministry of Health, Ministry of Defence, Law Ministry, Ministry of Agriculture, Burial for Muslims*<sup>134</sup>:

Sebagai contoh kepada hubungan yang wujud ini, pada tahun 1999 IF telah beberapa kali melalui Timbalan Ketua Pengarahnya, Chowdhury Mueen-Uddin menemui Chief of Defence Staff, United kingdom, Sir Charles Guthrie. Melalui pertemuan ini beberapa perkara telah dibangkitkan oleh Chowdhury berhubung kepentingan anggota tentera Islam. Isu-isu yang dibangkitkan antaranya ialah keperluan perlantikan imam sembahyang dalam perkhidmatan tentera, kursus kesedaran Islam untuk anggota tentera Islam, bahan bertulis (buku panduan kehidupan Muslim) dan beberapa perkara lain membabitkan kepentingan anggota tentera Islam<sup>135</sup>.

Melalui pertemuan ini juga, IF telah menghadiahkan senaskah al-Qur'an dan beberapa buah buku terbitan IF kepada pihak Kementerian Pertahanan<sup>136</sup>. Hadiyah yang disampaikan ini merupakan satu cara untuk mengeratkan lagi hubungan IF dengan pihak Kementerian Pertahanan.

Kehadiran Director General IF, Dr. Manazir Ahsan dalam upacara penutup perhimpunan National Millennium pada 3 Januari 2000 di Westminster telah mengukuhkan lagi hubungan baik IF dengan kerajaan. Perhimpunan tersebut telah disertai oleh Perdana Menteri Britain, Tony Blair dan lain-lain pemimpin

---

<sup>134</sup> Annual Report 1999, *op.cit.*, h.17-18.

<sup>135</sup> *IF Newsletter*, Julai 1999, no.16, h.4.

<sup>136</sup> *Ibid.*

masyarakat pelbagai kepercayaan<sup>137</sup>. Selain mewujudkan hubungan baik, penyertaan IF dalam perhimpunan ini juga dikira penting ke arah membina persepsi dan tanggapan positif kerajaan khususnya terhadap IF dan organisasi Islam amnya. Dengan adanya hubungan yang baik ini, ia akan memudahkan lagi IF menjalankan kegiatan-kegiatan keislaman secara lebih efisien dan efektif.

a) Hubungan dengan Institusi Bukan Kerajaan (NGO)

Selain berhubungan dengan institusi kerajaan, IF juga mewujudkan hubungan dua hala dengan institusi-institusi bukan kerajaan atau NGO di Britain. Hubungan IF dengan NGO dapat dilihat seperti berikut:

- Menjalinkan hubungan dengan beberapa institusi pengajian tinggi di Britain.

Antara institusi pengajian tinggi tersebut ialah Universiti of Loughborough, University of Portsmouth, Selly Oak College dan Oxford Academy for Advanced Study (OAAS). Kerjasama ini telah memberi banyak faedah kepada IF. Hasil hubungan yang terjalin antara IF dengan Universiti of Portsmouth misalnya, MIHE telah berjaya ditubuhkan.

- IF turut menjalinkan hubungan dengan organisasi-organisasi Islam di Britain seperti MCB, Young Muslims, Islamic Forum of Europe, Islamic Society of Britain (ISB), FOSIS, Association of Muslim Lawyers (AML), Saudi Students Club dan lain-lain. Hubungan ini akan dapat mengukuhkan lagi kesatuan dan kekuatan gerakan Islam di Britain. Penglibatan IF dalam MCB, di mana Dr. Manazir Ahsan menjadi Pengurus Jawatankuasa Hal-Ehwal Masyarakat MCB<sup>138</sup>, melambangkan hasrat IF untuk sama-sama memperjuangkan hak-hak

---

<sup>137</sup> *IF Newsletter*, Jun 2000, no.17, h.8.

<sup>138</sup> *The Common Good*, Mac 1999, vol.1, Issue 1, h.7.

masyarakat Islam di Britain, di samping memperjuangkan isu-isu yang lebih global.

- IF juga menjalankan hubungan dengan beberapa pertubuhan sosial seperti Citizen Organising Foundation (COF). COF adalah sebuah pertubuhan yang memperjuangkan perubahan dalam bidang sosial dan ekonomi serta keadilan politik dalam sistem demokrasi. Satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara IF dengan COF pada 15 September 1999 yang membabitkan kerjasama dalam bidang latihan, penerbitan dan pendidikan bagi kedua-dua pertubuhan tersebut<sup>139</sup>.
- Hubungan dan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan agama seperti Inter-faith Networks, Leicester Council of Faiths dan Jewish-Christian-Muslim Group juga diwujudkan<sup>140</sup>. Hubungan ini boleh dianggap sebagai langkah yang strategik ke arah melahirkan persefahaman dan keharmonian di antara masyarakat pelbagai agama.
- Selain mengadakan hubungan dengan badan-badan tertentu, IF juga berusaha mendekati masyarakat awam. Bagi mendekatkan diri dengan masyarakat, IF telah mengadakan hari terbuka kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira agama. Hari terbuka ini telah memberi faedah kepada IF dari dua aspek. Pertamanya, masyarakat dapat mengenali IF dengan lebih dekat. Keduanya, secara tidak langsung ia boleh bertindak sebagai saluran dakwah. Hakikat ini dapat dibuktikan melalui kenyataan Ahli Majlis Hinckley, Peter Hall yang telah menghadiri hari terbuka anjuran IF pada 7 Ogos 1999. Beliau menyatakan

---

<sup>139</sup>IF Newsletter, Jun 2000, no.17, h.5.

<sup>140</sup>Annual Report 1999, *op.cit.*, h.11.

bahawa lawatan tersebut telah meningkatkan kefahaman dan kesedarannya tentang agama Islam<sup>141</sup>:

Kenyataan Peter Hall tersebut menunjukkan bahawa hubungan yang dibina IF dengan masyarakat boleh menjadi saluran atau pendekatan dakwah yang berkesan. Dalam konteks ini, IF didapati telah berjaya melaksanakan pendekatan dakwah *bil hal*<sup>142</sup>.

## 2. Hubungan Luar

Sebagai sebuah organisasi Islam, IF tidak hanya mengadakan hubungan di peringkat tempatan atau dalam negeri. Ia juga telah melebarkan sayapnya menjalin hubungan di peringkat antarabangsa atau hubungan luar. Melalui pelbagai program yang diatur dan disertainya, IF telah bergerak sebagai sebuah organisasi bersifat antarabangsa. Hubungan bersifat antarabangsa atau hubungan dengan pihak luar telah diadakan oleh IF melalui lawatan-lawatan yang diadakan ke luar negara oleh IF ataupun dengan menerima kunjungan-kunjungan tetamu dari luar. Hubungan ini dapat dilihat antaranya seperti berikut:

- Pada 26 April 1999, IF telah dikunjungi oleh Presiden Mauritius, Cassam Utem. Dalam ucapannya semasa mengunjungi IF, Utem telah memuji perkembangan dan kegiatan yang dilaksanakan IF untuk kepentingan ummah<sup>143</sup>.

---

<sup>141</sup> *IF Newsletter*, Jun 2000, no.17, h.2.

<sup>142</sup> *Dakwah bil hal* adalah pendekatan dakwah yang dilaksanakan berdasarkan kesesuaianya dengan realiti semasa sama ada terhadap inividu mahupun masyarakat.

<sup>143</sup> *IF Newsletter*, Julai 1999, no.16, h.1.

- Pada 26 Oktober 1999, wakil kedutaan Emeriah Arab Bersatu (UAE), Sayyid Isa Saleh al-Qarq telah mengunjungi IF. Tujuan lawatan beliau ialah untuk mengetahui kegiatan IF dalam bidang dakwah, penyelidikan, pendidikan, penerbitan dan latihan<sup>144</sup>.
- IF juga telah dari semasa ke semasa telah menerima lawatan atau kunjungan tokoh-tokoh intelektual dari seluruh dunia secara regular. Antaranya ialah Dr.Yusuf al-Qaradawi (Universiti Qatar), Sheikh Islam al-Attar (Mudir Masjid Akhan, Jerman), As-Sheikh Su'ud al-Syuraim (imam Masjid al-haram), Maulana Salman al-Nadwi (Persatuan Ulamak Lucknow, India), Shiekh Abdullah Ali al-Mutawi (Presiden Jam'iyyah al-Islah al-Ijtima'i, Kuwait), Prof.John L.Esposito (George Town University, Amerika) dan lain-lain<sup>145</sup>.
- Director General IF, Dr.Manazir Ahsan telah mengadakan beberapa siri lawatan ke luar negara. Antaranya ialah lawatan beliau ke Arab Saudi pada 2-8 Oktober 1998. Dalam lawatan tersebut beliau telah mengunjungi Menteri Wakaf Arab Saudi, Dr.Abdullah Muhsin. Bersempena lawatan tersebut, satu MoU telah ditandatangani antara IF dengan Islamic Studies and Research Centre. Riyadh. Kedua-dua organisasi tersebut telah bersetuju bekerjasama dalam bidang teknologi internet, penyelidikan dan penerbitan<sup>146</sup>.
- Bersempena 1<sup>st</sup> International Conference on Islam On-Line, Dr.Manazir telah mengadakan lawatan ke Doha, Qatar, pada 3-8 oktober 1999. Projek

---

<sup>144</sup>Annual Report 1999. *op.cit.*, h.8.

<sup>145</sup>*Ibid.*

<sup>146</sup>IF Newsletter, Julai 1999, no.16, h.5.

ini bertujuan mempromosi imej Islam sebagai agama universal ke seluruh dunia<sup>147</sup>. Kunjungan Dr. Manazir tersebut boleh meningkatkan hubungan dan kerjasama IF dengan negara-negara luar khusus untuk kepentingan Islam secara global.

- Hubungan dengan pihak luar juga dapat dilihat kepada usaha IF melantik stokis untuk menjual buku terbitan IF di beberapa buah negara di dunia. Antara stokis jualan buku di luar negara yang telah dilantik IF bagi menjual buku-buku terbitannya ialah<sup>148</sup> Muslim Information Network of Australia, Australia, Islamic Book Service, Kanada, Specialty Academic Book Centre, Jordan, A.S Noordeen, Malaysia, Book Promoters (PVT) Ltd., Pakistan, The Muslim Converts' Association of Singapore, Singapura, International Book Services, Iqra Agencies and Islamic Dawah Movement, Afrika Selatan, All Prints Distributors, Emeriyah Arab Bersatu, Crescent Publishing House, dan Halalco Books, Islamic book Service and Sound Vision, Amerika Syarikat.

Aktiviti yang dilaksanakan tersebut, sama ada dengan menerima kunjungan tetamu atau organisasi dari dalam dan luar, atau siri-siri lawatan ke dalam dan luar negara dan juga perlantikan wakil penjual buku di luar negara serta hubungan dengan masyarakat umum telah menjadi jambatan penghubung antara IF dengan lain-lain pihak. Hubungan yang dijalankan dari semasa ke semasa dengan institusi berkaitan memudah dan melicinkan

---

<sup>147</sup> IF Newsletter, Jun 2000, no.17, h.4.

<sup>148</sup> Catalogue 1999/2000, h.36.

lagi tugas-tugas IF dalam menyebarkan mesej Islam sama ada sama ada secara langsung atau secara tidak langsung.

Membina hubungan dengan manusia yang dilaksanakan IF ini adalah selaras dengan kehendak dan perintah al-Qur'an. Justeru itu, dalam konteks dakwah jalinan hubungan dengan manusia perlu diwujudkan agar mesej dakwah dapat disampaikan secara berkesan.

#### **4.9 Kekuatan dan Kelemahan IF**

IF telah melaksanakan program dakwah dalam pelbagai bidang, penyelidikan, pendidikan dan latihan, penerbitan, dialog, seminar dan ceramah, dakwah dan hubungan dengan institusi berkaitan. Perlaksanaan dakwah dalam bidang-bidang tersebut mempunyai kekuatan dan kelemahan tertentu. Kajian yang dilakukan ini mendapati, IF mempunyai beberapa kekuatan dan kelemahan tertentu. Kekuatan dan kelemahan IF yang dikenal pasti oleh kajian ini ialah:

a. Kekuatan

Berdasar kajian yang dilakukan, sama ada melalui dokumen bertulis, temubual, soal selidik dan pemerhatian, terdapat beberapa kekuatan yang ada pada IF sebagai sebuah institusi dakwah, iaitu:

1. Kemudahan yang lengkap.

IF mempunyai kemudahan yang lengkap sebagai sebuah organisasi. Contoh kemudahan yang lengkap ialah kompleks MCC yang dilengkapi dengan dewan kuliah, asrama, perpustakaan dan lain-lain kemudahan. Dengan

adanya kemudahan seperti ini, IF tidak lagi perlu mencari lokasi (menyewa) bagi menganjurkan sesuatu program seperti seminar, konferen dan sebagainya. Kemudahan ini telah menguntungkan IF dalam dua perkara. Pertama mengurangkan kos pengurusan sesuatu program dan kedua boleh menyumbang kepada kewangan IF. Dengan lain perkataan, kemudahan yang ada ini merupakan satu aset bagi IF terutamanya berkait dengan dakwah.

## 2. Pentadbiran yang cekap.

Pentadbiran yang cekap penting dalam memastikan gerak kerja dakwah dilakukan secara terancang dan memberi impak yang positif kepada Islam. Hal ini adalah bertepatan dengan kehendak Islam yang menggesa supaya kerja dakwah dilakukan secara sitematik (Surah al-Saff, ayat:4). Kajian ini berpendapat bahawa IF telah berjaya mewujudkan sebuah pentadbiran yang cekap. Cara IF memastikan pentadbiran yang cekap ialah dengan menubuhkan dua jawatan kuasa, iaitu Jawatankuasa Pentadbiran dan Jawatankuasa Akademik yang mempunyai fungsi dan peranan yang berbeza tetapi mempunyai satu matlamat iaitu memastikan kerja-kerja dapat dilakukan secara efektif dan efisien bagi kepentingan IF. Kedua-dua jawatankuasa ini ini telah membantu dan menyumbang kepada pentadbiran IF yang cekap dalam melaksana sesuatu program yang dirancang di samping mengurangkan beban tugas yang terpaksa dipikul. Kecekapan pentadbiran IF ini pertamanya dapat dilihat kepada program yang dapat

dilaksana IF sebagaimana yang dirancang seperti CAT, penerbitan dan lain-lain. Kedua, program yang dirancang telah dilaksanakan secara berterusan.

### 3. Mempunyai sumber kewangan yang tetap.

Kewangan adalah antara sapek yang penting dalam mengerakkan kerja-kerja dakwah dengan lebih lancar. Islam sendiri menekankan tentang kepentingan umatnya berjihad dengan menggunakan harta (Q. Surah al-Taubah, ayat:41). Sebagai sebuah institusi Islam, IF mempunyai sumber kewangan yang tetap dan mampu menjana kewangannya sendiri. IF memperolehi sumber kewangannya daripada wakaf, jualan buku, yuran pengajian MIHE, penganjuran seminar dan kursus serta sewa MCC. Pendapatan yang diperolehi ini telah membolehkan IF melaksanakan pelbagai program yang dirancang.

### 4. Komitmen dan kerjasama yang tinggi di kalangan kakitangan.

Hasil pemerhatian yang dilakukan mendapati IF mempunyai kakitangan yang berkomitmen tinggi di dalam melaksanakan kerja yang diamanahkan. Kakitangan IF juga didapati bekerjasama di antara satu sama lain. Mereka bekerja sebagai satu team. Contoh kepada komitmen ini ialah pekerja sanggup bekerja lebih waktu walaupun tidak ada bayaran lebih masa masa (over time). Komitmen dan kerjasama ini telah menjadikan IF sebuah institusi yang dinamik lagi produktif. Hakikat ini diakui sendiri oleh Dr. Manazir Ahsan yang menurut beliau kakitangan IF kadang-kadang

datang bekerja pada hari minggu bagi menyiap tugas atau kerja-kerja tertentu.

5. Menjalin hubungan baik dengan pelbagai pihak.

Hubungan baik perlu dalam dakwah malah ia menjadi metode kepada dakwah itu sendiri. Kajian ini juga berpendapat bahawa IF telah berjaya membina hubungan baik dengan pelbagai pihak, kerajaan dan swasta, dalam dan luar negeri. Hubungan yang baik ini menjadi medium dakwah yang berguna bagi IF menyampaikan Islam kepada masyarakat. Hubungan IF dengan National Network Inter-Faith (NNIF) misalnya telah mendatangkan beberapa faedah yang antaranya ialah kerajaan telah menerima usul IF dan NNIF agar bantuan penduduk Britain untuk tahun 2000 turut megambil kira aspek agama. Hubungan dengan masyarakat awam melalui pengajuran Open Day juga telah memberi peluang kepada IF membina hubungan baik dengan masyarakat seterusnya memberi peluang kepada masyarakat non-Muslim mengetahui tentang agama Islam melalui perbualan, buku-buku dan risalah yang diedarkan<sup>149</sup>.

6. Program yang terancang dan efektif. IF telah berjaya menyusun beberapa program yang baik untuk perkembangan dakwah. Beberapa bidang yang diterokai IF seperti penyelidikan, pendidikan dan latihan serta penerbitan telah menjadi bukti kepada kenyataan ini. IF telah menggerakkan aktiviti dakwah dalam ruang lingkup bidang-bidang ini secara tersusun, efektif

---

<sup>149</sup>Lihat misalnya rencana yang disiarkan tentang IF Open Day di dalam *Coalville Times*, 12 Mac 1999.

dan berterusan. Beberapa contoh keberkesanan program IF seperti yang dikaji ialah:

- a) melalui NMP misalnya, IF telah berjaya mewujudkan satu program untuk membantu, membimbing dan menyatukan saudara baru. Buletin yang diterbitkan oleh unit NMP sebagai contoh telah menjadi satu platform yang berkesan dalam mempertemu dan menyatukan saudara baru dari pelbagai tempat di Britain
- b) program untuk non-Muslim, iaitu melalui CAT sekurang-kurangnya mempunyai tiga faedah, iaitu memberi peluang kepada IF menjelaskan Islam kepada non-Muslim secara langsung, menghakis pandangan negatif dan sikap prejudis mereka terhadap Islam dan menambah sumber pendapatan IF
- c) MIHE yang ditubuhkan oleh IF telah memberi peluang kepada masyarakat Islam di Britain dan luar Britain mendapatkan pendidikan tinggi Islam. Sehingga kini, MIHE telah berjaya menarik pelajar dari pelbagai negara seperti Britain, Malaysia, Mauritius, Kenya, Somalia, India dan Mesir.

## 7. Produktif dalam bidang penerbitan.

IF telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menerbitkan bahan bacaan dalam pelbagai bidang untuk tujuan dan kepentingan dakwah. Komitmen ini dapat dilihat kepada beberapa usaha IF dalam merangsang bidang ini seperti menubuhkan unit penerbitan, mewujudkan kedai buku, melantik agen yang dapat memasarkan bukunya. Sehingga kini IF telah

berjaya menerbitkan sebanyak 440 judul buku dalam pelbagai bidang<sup>150</sup>. Penerbitan yang diusahakan IF ini telah memperkayakan lagi koleksi perpustakaannya, memberi sumbangan kepada pemikiran dan kefahaman Islam dan menjadi katalis dakwah yang penting. Peranan IF yang aktif dalam bidang penerbitan ini telah diakui oleh pelbagai pihak. Antaranya Jorgen Nielsen yang melihat bahawa IF telah bertindak sebagai sebuah institusi penerbitan yang aktif dan produktif. Kegiatan di dalam bidang penerbitan ini adalah sesuai dengan metode dakwah yang antara lain perlu disebarluaskan melalui bidang penerbitan.

#### 8. Institusi bersifat universal.

IF boleh dianggap sebagai sebuah institusi atau organisasi bersifat sangat. Melalui kajian yang dilakukan ini mendapati IF mempunyai kakitangan pelbagai bangsa dan warga negara seperti Pakistan, Bangladesh, Turki, Iraq, Tunisia, Britain, Algeria dan lain-lain. Kepelbagaian bangsa dan warga negara ini sesuai dengan sifat Islam yang universal yang melarang umatnya bersifat perkauman. IF dalam hal ini telah berjaya membebaskan dirinya daripada ikatan etnik, bangsa dan warganegara. Ia bertindak sebagai sebuah institusi bersifat universal. Ini demanifestasikan melalui nama-nama asramanya, iaitu Maududi Hall, Ibnu Taymiah Hall dan Hassan al-Banna Hall.

Selain daripada itu, IF juga telah cuba memupuk hubungan di peringkat antarabangsa melalui lawatan yang dilakukan keluar negeri dan menerima delegasi luar ke IF. Inisiatif ini jika dapat diteruskan oleh IF ia

---

<sup>150</sup> Asma Mulla, Marketing & Admin Co-Ordinator, temubual, 16 Jun 2000.

secara tidak langsung boleh memberi satu persepsi baru kepada non-Muslim bahawa Islam adalah agama yang universal, bukan milik satu-satu bangsa atau kaum.

#### b. Kelemahan

Selain mempunyai kekuatan seperti yang telah dibincangkan, kajian ini juga mengenal pasti beberapa kelemahan IF. Kelemahan-kelemahan IF seperti yang dikaji dapat disimpulkan seperti berikut:

1. Kewangan masih belum mencukupi. Meskipun mempunyai sumber kewangan tetap daripada beberapa sumber seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, tetapi IF masih memerlukan bantuan dan sumbangan daripada pihak luar dalam melaksanakan program yang dirancang. Contohnya bangunan MIHE yang masih dalam proses pembinaan memerlukan bantuan kewangan daripada pihak luar dan orang ramai bagi menyiapkannya. Selain daripada itu, akibat kekurangan kewangan, IF terpaksa membubarkan Central Asia Unit yang berfungsi satu ketika dahulu<sup>151</sup>. IF menurut Timbalan Ketua Pengarahnya, Chowdhury Mueen-Uddin kadang-kadang mengalami defisit dalam pengurusan kewangan<sup>152</sup> dan tidak cukup kakitangan atau manpower dalam konteks pengurusan sesebuah organisasi sangat penting.

IF masih menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja berbanding beban kerja yang begitu banyak untuk dilaksanakan. Kekurangan tenaga kerja ini memang dirasai dan diakui sendiri oleh

---

<sup>151</sup>M.A Karim, temubual, *loc.cit.*

<sup>152</sup>Chowdhury Mueen-Uddin, temubual, *loc.cit.*

Dr. Manazir Ahsan selaku Director General IF (Manazir Ahsan, temubual). Tiga puluh kakitangan sepenuh masa masih tidak cukup bagi IF melaksanakan program yang dirancang. Kekurangan kakitangan di samping faktor limitasi kewangan unit-unit tertentu terpaksa dibubar seperti Central Asia Unit. Kekangan kewangan juga mengkin menjadi faktor penghalang kepada IF untuk mengambil lebih tenaga kerja sepenuh masa.

2. Tidak mempunyai unit penyelidikan secara khusus. Satu daripada kelemahan IF ialah tidak ada satu unit khusus bagi menjalankan kegiatan penyelidikan. Walaupun ada aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh IF, tetapi ia tidak dilaksanakan secara terancang di bawah pengawasan satu unit khusus. Ia hanya dilakukan atas inisiatif unit-unit tertentu seperti Inter-Faith Unit dan Islam in Europe Unit yang bersifat ad-hoc dan dilakukan menurut keperluan sesuatu isu yang berlaku pada masa tertentu. IF juga tidak cuba mengambil inisiatif melakukan penyelidikan untuk mengenal pasti masalah berkaitan dengan dakwah seperti masalah pendekatan dalam dan lain isu yang difikirkan perlu untuk kepentingan dakwah.
3. Terlalu menumpu kepada satu bidang. IF nampaknya lebih menumpu kepada bidang ekonomi Islam. Ia masih terikat dengan pembawaan pengasasnya, iaitu Prof. Kurshid Ahmad yang mempunyai kepakaran

dalam ekonomi Islam. Hal ini diakui sendiri oleh Kurshid Ahmad<sup>153</sup>. Isu-isu penting lain seperti perbandingan agama, masalah survival masyarakat Islam dan pendekatan dakwah, walaupun diberi perhatian, tetapi isu berhubung ekonomi Islam tetap dilihat menjadi fokus utama IF. Bagaimanapun di akhir-akhir ini sudah ada perubahan yang dilakukan IF. Bidang-bidang lain mula diberi perhatian seperti Islam dan masyarakat Islam di Eropah, hubungan antara kaum dan agama serta penerbitan bahan kanak-kanak.

4. Perpustakaan tidak lengkap. Perpustakaan yang ada masih perlu ditingkatkan keupayaanya sebagai pusat sumber yang boleh dijadikan rujukan pelbagai pihak. Tinjauan terhadap perpustakaan IF mendapat, ia masih kurang buku-buku dalam aspek tertentu. Contohnya buku-buku dalam Bahasa Arab (1500 buah) kurang berbanding buku-buku dalam Bahasa Inggeris (20,000 buah)<sup>154</sup>. Mungkin dalam konteks Britain buku-buku dalam Bahasa Inggeris lebih diperlukan. Namun demikian, bahan rujukan dalam Bahasa Arab tidak boleh diabaikan memandangkan MIHE kini telah menubuhkan institut pengajian tinggi MIHE.

Justeru itu, IF perlu mempunyai koleksi bahan rujukan yang lebih banyak dalam bahasa lain terutamnya Bahasa Arab. Tertubuhnya MIHE sebagai institusi pengajian tinggi Islam sebagaimana yang telah dinyatakan, memerlukan usaha IF menambah bahan rujukan dalam

---

<sup>153</sup>Kurshid Ahmad, Pengerusi IF, temubual, 31 Mei 2002.

<sup>154</sup>Berdasarkan sumber Azmatullah Khan, Pustakawan IF, temubual, 28 Jun 2000.

Bahasa Arab selain koleksi yang sedia ada dalam Bahasa Inggeris. Seorang sarjana Islam yang ditemubual, Dr.Ibrahim Surty<sup>155</sup> berpendapat IF masih kurang buku-buku dalam Bahasa Arab yang boleh menjadi rujukan untuk para penyelidik dan pelajar MIHE.

5. Program belia dan wanita kurang. Kajian ini juga mendapati, IF tidak mempunyai program yang khusus untuk kedua-dua golongan tersebut. Program-program yang dilaksanakan hanya melibatkan kedua-dua golongan tersebut secara tidak langsung. Misalnya melalui sokongan dan galakan terhadap program kedua-dua golongan ini seperti yang dinyatakan oleh Chowdhury Mueen-Uddin<sup>156</sup>.
6. Bangunan asrama tidak dapat menampung penghuni yang ramai. IF hanya mempunyai tiga blok asrama dengan kapasiti 40 orang penghuni. Jumlah ini tidak dapat menampung jumlah peserta yang lebih ramai untuk melaksanakan program-program yang besar. IF dalam hal ini juga mempunyai masalah menempatkan semua pelajarnya di asrama dengan penubuhan MIHE. Pelajar-pelajar MIHE terpaksa menyewa tempat di luar. Malah bila ada satu-satu program yang akan dianjur, ada di kalangan pelajar MIHE yang terpaksa keluar dari asrama. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku bagi sebuah institusi yang mementingkan prestasi yang baik seperti IF.

---

<sup>155</sup>Ibrahim Surty, Pensyarah di Centre for The Study of Islam and Christian-Muslim Relations, temubual, 7 Julai 2000.

<sup>156</sup>Chowdury, temubual, 31 Mei 2002.

7. Dewan konferen yang kecil. IF hanya mempunyai sebuah dewan konferen yang mampu memuatkan bilangan peserta untuk satu-satu program sekitar 140 orang<sup>157</sup>. Saiz dewan yang ada ini adalah sukar untuk menampung jumlah peserta yang lebih besar. Sebagai sebuah institusi pendidikan, penyelidikan dan dakwah yang kerap menganjurkan pelbagai program seperti seminar dan kursus, IF perlu kepada sebuah dewan yang lebih besar agar dapat menampung peserta bagi program yang lebih besar.

Kelemahan-kelemahan IF ini bagaimanapun tidaklah menafii dan menjelaskan kekuatan IF sebagai sebuah institusi dakwah dan peranannya dalam menyebarkan dakwah Islamiah kepada masyarakat di Britain. Program yang dirancang dan dilaksana secara berterusan dan terancang menjadikan IF organisasi Islam yang dihormati dan diiktiraf pelbagai pihak seperti yang disebut sebelum ini.

#### **4.10 Persepsi Responden Terhadap IF**

Bahagian ini cuba mengemukakan persepsi responden terhadap IF secara umum. *Kaedah Opportunistic Sampling* (OS) telah digunakan untuk mendapatkan persepsi responden ini. Dapatan kajian dari soal selidik menggunakan kaedah OS ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam jadual 4 di bawah.

---

<sup>157</sup>S.Naimuddin, Pegawai Tadbir IF, temubual, 30 Mei 2002.

Jadual 4: Persepsi Responden Terhadap IF

No. Soalan	Perkara	SS	S	TP	TS	STS
12	IF telah memberi layanan yang baik kepada anda	55.6%	40.7%		3.7%	
13	Program IF telah memberi faedah kepada anda	54.5%	36.4%	9.1%		
14	Program IF telah meningkatkan kefahaman anda terhadap Islam	38.1%	47.6%	14.3%		
15	Saya berpuas hati dengan perpusatkaan IF	55.6%	37.0%	3.7%	3.7%	
16	Pada pendapat saya, IF mempunyai hubungan baik dengan lain-lain institusi Islam di Britain	40.9%	13.6%	45.5%		
17	Pada pandangan saya organisasi bukan Islam di Britain mempunyai hubungan baik dengan IF	34.8%	30.4%	34.8%		
18	IF mempunyai hubungan baik dengan organisasi islam di negara lain	63.6%	9.1%	27.3%		
19	IF telah menggalakan pembangunan dakwah Islamiyah di Britain	42.3%	42.3%	15.4%		
20	Penerbitan IF sangat bermanfaat kepada orang ramai	51.4%	44.4%	37.0%		
21	Pada pandangan saya IF telah mempromosi budaya hidup Islam di Britain	34.8%	26.1%	34.8%	4.3%	
22	Saya mendapati IF telah berperanan mempromosi dialog antara kepercayaan	28.0%	40.0%	32.0%		
23	IF telah melibatkan diri dalam aktiviti sosial dan kebajikan	52.2%	13.0%	30.4%	4.3%	
24	Secara umumnya saya bersetuju menyertai program yang dianjurkan IF pada masa akan datang	48.0%	48.0%	4.0%		

Petunjuk: SS = Sangat Setuju , S = Setuju . TP = Tidak Pasti TS = Tidak Setuju .

STS = Sangat Tidak Setuju

## 1. Latarbelakang Responden

Seramai 27 orang responden yang datang ke IF telah dipilih berdasarkan kaedah OS untuk menjawab soal selidik berkenaan persepsi mereka terhadap IF. Responden ini terdiri daripada pelbagai peringkat umur di antara 20 tahun hingga 70 tahun yang terdiri daripada kaum lelaki dan wanita. Majoriti responden adalah

dari golongan professional dan berpendidikan tinggi, iaitu sarjanamuda ke atas (80 %). Sebahagian besar responden adalah beragama Islam, iaitu 93.6 %.

## 2. Dapatan Kajian

Soal selidik yang dilakukan ini mendapati persepsi responden terhadap IF dan program yang dilaksanakannya ialah seperti berikut:

- 1) 96.3 peratus bersetuju menyatakan bahawa IF telah memberi layanan yang baik kepada mereka.
- 2) 90.9 peratus menyatakan bahawa program IF berfaedah
- 3) 85.7 peratus menyatakan program yang dilaksanakan IF telah meningkatkan kefahaman mereka terhadap Islam.
- 4) 92.6 peratus berpuas hati dengan perpustakaan IF.
- 5) 54.5 peratus berpendapat bahawa IF mempunyai hubungan baik dengan lain-lain institusi Islam di Britain
- 6) 65.2 peratus berpendapat organisasi bukan Islam di Britain mempunyai hubungan baik dengan IF
- 7) 72.7 peratus menyatakan hubungan IF dengan organisasi Islam di luar negara adalah baik.
- 8) 84.6 peratus responden bersetuju bahawa IF telah menggalakkan pembangunan dakwah Islamiah di Britain
- 9) 95.8 peratus berpendapat penerbitan IF sangat bermanfaat kepada orang ramai
- 10) 60.9 peratus menyatakan IF telah mempromosi budaya hidup Islam di Britain

- 11) 68.0 peratus responen berpendapat IF telah berperanan dalam memupuk dialog antara kepercayaan di Britain
- 12) 65.2 peratus berpendapat IF telah melibatkan diri dalam kegiatan sosial dan kebajikan.
- 13) 96.0 peratus bersetuju menyertai program yang dianjurkan IF pada masa akan datang
- 14) Soal selidik ini mendapati responden telah memilih program pendidikan sebagai program paling bermanfaat, iaitu sebanyak 43.5 peratus, diikuti penerbitan 26.1 peratus, penyelidikan 21.7 peratus dan latihan 8.7 peratus.

### 3. Perbincangan

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden telah memberi penilaian yang positif terhadap IF dan program yang dilaksanakannya, walaupun ada juga yang memberi penilaian yang negatif. Bilangan dan peratusan yang memberi penilaian yang negatif ini adalah sangat kecil berbanding penilaian positif. Ini tidak menafikan peranan yang dimainkan IF dalam dakwah.

Berdasarkan persepsi atau penilaian responden ini, dapatlah disimpulkan bahawa IF telah berjaya memainkan peranannya sebagai institusi dakwah di Britain. Kejayaan ini adalah berdasarkan kepada penilaian yang diberikan responden terhadap program IF. Contohnya, 95.8 % responden telah menyatakan bahawa penerbitan IF sangat bermanfaat kepada orang ramai dan program IF berfaedah dan telah berhasil meningkatkan kefahaman responden terhadap Islam. Peratusan paling rendah yang diberikan responden tentang IF ialah 54.5%, namun,

peratusan ini masih lagi tinggi, iaitu melebihi 50 %. Secara keseluruhannya, wujud pandangan yang positif di kalangan responden terhadap IF dan program yang dilaksanakannya, di mana 60 % responden bersetuju dengan pernyataan yang dibuat.

Persepsi positif dan penilaian tinggi yang diberikan tidaklah bermakna IF telah sempurna sebagai sebuah organisasi dakwah. Terdapat juga kelemahan-kelemahan yang ada pada IF seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Fenomena kelemahan ini adalah perkara biasa yang wujud pada mana-mana organisasi. Namun demikian, kelemahan yang dinyatakan tidak tersebut tidaklah pula menafi dan menghalang peranan IF dalam dakwah di Britain. Kelemahan-kelemahan yang ada dapat ditutup dengan pelbagai program yang dirancang dari semasa ke semasa.

#### 4. Rumusan

Berdasarkan analisis dan perbincangan terhadap pandangan responden tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa IF telah berperanan sebagai institusi dakwah dalam menjadikan Islam sebagai realiti hidup masyarakat di Britain dalam bidang-bidang yang telah dinyatakan dibincangkan dalam Bab 4. Peranan ini adalah selaras dengan misi IF untuk merealisasikan motonya Makes Islam a Living Reality dan juga selaras dengan matlamat dakwah agar Islam disampaikan kepada seluruh manusia.

#### **4.11 Kesimpulan**

IF telah ditubuhkan untuk merealisasikan Islam sebagai satu cara hidup yang dihayati masyarakat Britain. Usaha-usaha menterjemahkan Islam dalam realiti kehidupan masyarakat ini telah dilaksanakan melalui program pendidikan dan latihan, penyelidikan, penerbitan, seminar dan ceramah, dialog, dakwah umum dan hubungan dengan pihak berkaitan.

Program-program tersebut telah dilaksanakan secara terancang, disertai dengan pendekatan yang sesuai dengan suasana dan latarbelakang masyarakat Britain. Penubuhan MIHE misalnya, adalah satu usaha IF memberikan pendidikan dan latihan di peringkat pengajian tinggi kepada komuniti Islam. Manakala program CAT adalah dikhususkan untuk golongan profesional Non-Muslim agar mereka memahami Islam secara jelas. Pendekatan sebegini adalah selaras dengan aspirasi al-Qur'an yang menggesa agar dakwah disampaikan secara berhikmah. Aktiviti dan program yang telah dilaksanakan tersebut memperlihatkan komitmen IF dalam dakwah Islamiah di Britain.